


Aram Bekelala



PANDUAN KETERLIBATAN KOMUNITI
Bekerja bersama masyarakat setempat di Malaysia

catama



Kandungan

Prakata

3

BAHAGIAN 1: Gambaran Keseluruhan Pendekatan Antarabangsa

12

BAHAGIAN 2: Pertimbangan dan Pendekatan untuk Keterlibatan Komuniti

19

BAHAGIAN 3: Perspektif Pertubuhan Berasaskan Komuniti dan Penggiat Kreatif di Malaysia

33

BAHAGIAN 4: Kerja dan Pendekatan Pertubuhan Berasaskan Komuniti dan Penggiat Kreatif di Malaysia

46

Kata-Kata Penutup

71

LAMPIRAN

Kunci Visual: Tentang Karya dan Motif *Aram Bekelala*

74

Pasukan *Aram Bekelala*

88

Senarai Bacaan

93



Ketik/klik pada motif ini di sudut kanan atas setiap halaman untuk kembali ke jadual kandungan!



Ketik/klik pada ilustrasi/motif di seluruh panduan ini untuk mempelajari lebih lanjut tentang ilustrasi/motif tersebut.

Prakata

Buku panduan komuniti ini mencadangkan pendekatan untuk bekerja bersama masyarakat setempat di Malaysia—khususnya masyarakat Orang Asal dan/atau golongan terpinggir. Dokumen ini bermatlamat untuk menyediakan nasihat dan bantuan untuk membangunkan pendekatan yang beretika dan bersifat kolaboratif semasa bekerja bersama masyarakat setempat. Buku panduan ini telah direka bentuk sebagai alat bantuan tetapi tidak patut dianggap sesuai untuk setiap situasi. Oleh itu, kami sarankan bahawa buku ini digunakan sebagai bahan tambahan sambil anda menjalankan penyelidikan dan kerja praktikal yang lebih mendalam.





NOTA PENULIS

Dokumen ini telah dibangunkan sebagai tindak balas kepada pelbagai wacana pasca pandemik dengan tujuan untuk mempertingkatkan kesedaran individu dan pertubuhan. Rujukan dan ilham telah diambil daripada terbitan dan jurnal tempatan mahupun antarabangsa. Buku panduan ini telah ditulis dalam bahasa Inggeris dan melalui proses semakan rakan sejawat (*peer review*) serta diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia.

Walaupun buku ini boleh digunakan oleh masyarakat setempat, buku ini ditulis dari dan untuk perspektif ‘orang luar’ dari bandar yang ingin bekerja bersama masyarakat setempat. Oleh itu, buku ini mencadangkan pertimbangan yang perlu diambil oleh ‘orang luar’. Penggunaan istilah ‘mereka’ dalam buku panduan ini umumnya merujuk kepada komuniti yang anda sasarkan dalam kerja anda. Walaupun istilah ‘mereka’ boleh bersifat mengasingkan, istilah ini digunakan untuk membezakan pembaca daripada komuniti yang akan dilibatkan.

Buku panduan ini telah ditulis berlatarbelakangkan waktu dan konteks yang tertentu, oleh itu beberapa istilah, pendekatan dan cara pemikiran mungkin perlu dikemas kini dari semasa ke semasa untuk mengekalkan kaitan dan kesesuaian. Sila ambil maklum bahawa pendekatan dan nasihat yang digunakan dalam buku panduan ini merupakan cadangan umum dan tidak bersifat menyeluruh. Disebabkan pengalaman penulis, buku ini juga mempunyai kaitan yang lebih besar dengan masyarakat di negeri-negeri Malaysia Timur, iaitu Sarawak dan Sabah. Segala nasihat dalam buku ini patut disemak semula dan disesuaikan kepada setiap komuniti. Penyelidikan dan penglibatan lanjut dengan pakar dan ketua budaya juga patut diutamakan untuk membantu menyesuaikan pendekatan anda mengikut situasi atau komuniti tertentu.

Penulis buku ini, Catriona Maddocks, ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan atas kemurahan hati dan perkongsian ilmu daripada para penilai yang telah menyemak semula buku ini. Pengalaman dan pandangan mereka yang unik telah banyak memperbaiki dokumen ini daripada draf asal.

Istilah *Aram Bekelala* yang menjadi judul buku panduan ini berasal daripada bahasa Iban yang merupakan salah satu daripada lebih seratus bahasa yang ditutur di Malaysia. Istilah ini bermaksud “Mari kita berkenalan” dan inilah semangat di sebalik penulisan buku ini.



Untuk menjalankan kerja dengan berintegriti dan penuh rasa hormat, kita perlu bergandingan tangan dalam persahabatan dan keterbukaan minda, dengan pemahaman bahawa terdapat sesuatu yang boleh kita pelajari daripada kedudukan masing-masing.

BAHAGIAN 1: GAMBARAN KESELURUHAN PENDEKATAN ANTARABANGSA

Bahagian 1 membentangkan pendekatan penyelidikan yang mapan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk bekerja dengan masyarakat Orang Asal serta membangunkan hubungan yang saling menghormati dan memberi manfaat. Garis panduan ini telah dibangunkan terutamanya oleh cendekiawan Orang Asal di negara peneroka Barat (*settler nations*) dan disediakan sebagai rangka kerja standard antarabangsa yang umum.

BAHAGIAN 2: PERTIMBANGAN DAN PENDEKATAN UNTUK KETERLIBATAN KOMUNITI

Bahagian 2 telah ditulis pada akhir tahun 2023 oleh Catriona Maddocks, iaitu salah seorang pengasas Catama. Bahagian ini berdasarkan pengalaman penulis setelah bekerja selama 12 tahun bersama pelbagai masyarakat di Malaysia Timur. Penulisan lalu sebelum dokumen ini termasuk tesis sarjananya yang tertumpu pada strategi pembangunan kraf untuk masyarakat Orang Asal di Sarawak serta tinjauan dan laporan peta hala tuju yang tertumpu pada masyarakat, penggiat kreatif dan alam sekitar. Buku panduan keterlibatan komuniti ini telah ditugaskan oleh British Council Malaysia, sebagai sebahagian daripada program pertubuhan ini yang bertajuk Human-Nature.

Catriona Maddocks merupakan seorang warganegara Britain berkulit putih yang telah menetap di Sarawak sejak tahun 2009. Oleh itu, buku ini telah ditulis dari perspektif dan pemahaman orang barat yang bukan berketurunan Asia dan buku ini harus difahami dalam konteks tersebut. Semakan rakan sejawat telah dijalankan oleh cendekiawan, pakar, aktivis dan pertubuhan berasaskan komuniti yang berketurunan atau diketuai Orang Asal. Sila ambil maklum bahawa walaupun mereka telah menyemak dokumen ini dan menyumbang pelbagai cadangan serta pembetulan, sebarang ralat, kesalahan maklumat dan ketidaktepatan fakta merupakan tanggungjawab penulis sepenuhnya.



Maklum balas tentang dokumen ini amat dialu-alukan. Jika anda mempunyai sebarang ulasan atau cadangan lanjut, sila hubungi penulis di catriona.catama@gmail.com.

BAHAGIAN 3: PERSPEKTIF PERTUBUHAN BERASASKAN KOMUNITI DAN PENGGIAT KREATIF DI MALAYSIA

Bahagian 3 mengandungi nota dan ulasan yang diberi oleh pertubuhan dan individu yang terlibat secara langsung dalam projek komuniti. Mereka juga telah menjalankan semakan rakan sejawat bagi panduan ini. Pertubuhan dan individu ini ialah:

- Advocates for Non-Discrimination and Access to Knowledge (ANAK)
- Apa Kata Wanita Orang Asli (AKWOA)
- Borneo Bengkel
- Borneo Komrad
- Forever Sabah
- June Rubis
- PACOS Trust
- Pangrok Sulap
- SAVE Rivers
- Society for Rights of Indigenous People of Sarawak (SCRIPS)
- Shaq Koyok
- Tuyang Initiative

BAHAGIAN 4: KERJA DAN PENDEKATAN PERTUBUHAN BERASASKAN KOMUNITI DAN PENGGIAT KREATIF DI MALAYSIA

Bahagian ini mengetengahkan kerja rakan sejawat kami dan mencontohi tindakan yang beretika—iaitu pendekatan yang bersifat kolaboratif, cipta sama dan bertimbang rasa apabila bekerja bersama komuniti di Malaysia.





GAMBARAN KESELURUHAN MALAYSIA: KONTEKS UNTUK PEMBACA DARI LUAR MALAYSIA

Malaysia terdiri daripada 11 buah negeri dan dua buah wilayah persekutuan yang terletak di Semenanjung Malaysia (atau dikenali sebagai Semenanjung) serta dua buah wilayah dan sebuah wilayah persekutuan di Malaysia Timur yang terletak di kawasan pulau Borneo. Pada tahun 2023, Malaysia menyambut ulang tahun ke-60 sejak penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Borneo Utara (Sabah) dan Singapura pada tahun 1963 (Singapura kemudiannya menarik diri pada tahun 1965). Negara ini menghadapi pelbagai



Peta Malaysia, diadaptasi oleh Sonia Luhong Wan daripada [Malaysia location map](#) oleh Uwe Dederling, CC BY-SA 3.0.

cabaran dalam menangani identiti masyarakat yang berbilang budaya dan kaum. Saling tindakan yang kompleks antara etnik, bahasa, agama dan dinamik kuasa geografi mempengaruhi politik, masyarakat serta budaya dalam setiap aspek.

Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia yang pesat membangun, merupakan tumpuan utama kekayaan kreatif dan ekonomi negara. Terdapat jurang yang ketara dan telah lama diakui antara Malaysia Timur dan Semenanjung. Namun jurang yang sama juga dapat dilihat antara Pantai Timur dan Pantai Barat di Semenanjung serta antara Pantai Timur dan Pantai Barat di Sabah yang terbahagi secara politik, etnik dan budaya. Tanpa kewarganegaraan juga merupakan suatu cabaran besar yang dihadapi oleh masyarakat di Malaysia Timur dan Semenanjung.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah menghadapi cabaran alam sekitar yang ketara; daripada banjir teruk yang melanda



seluruh Semenanjung dan Malaysia Timur, penebangan hutan yang berleluasa serta impak aktiviti-aktiviti ini terhadap negeri-negeri yang lebih lemah dari segi ekonomi. Selain itu, terdapat peluasan ladang kelapa sawit, kehilangan biodiversiti, pencemaran udara jerebu tahunan akibat pembakaran gambut berskala besar dan pelbagai persoalan mengenai kemampanan makanan. Banyak cabaran alam sekitar dan masyarakat memberi impak yang besar terhadap komuniti terpinggir yang sering kali terdapat di kawasan luar bandar. Antara impak ini termasuk kekurangan akses dari segi pendidikan, kesihatan dan struktur sosial, elektrik, internet, air bersih, hak untuk mencari pendapatan, hak tanah dan hak asasi manusia.

Dalam konteks sosioekonomi Malaysia, istilah ‘terpinggir’ boleh merujuk kepada komuniti yang memiliki peluang ekonomi dan pendidikan yang terhad, orang kurang upaya, pekerja asing, pelarian, kelompok LGBTQ+, Orang Asal,¹ dan komuniti tanpa kewarganegaran serta/atau dokumen. Di Malaysia, masyarakat pribumi dikenali sebagai Orang Asal dan ini termasuk Orang Asli—sebuah istilah umum untuk 18 suku kaum yang berlainan di Semenanjung—serta pelbagai golongan pribumi di Sabah dan Sarawak di Malaysia Timur.

KONTEKS ORANG ASAL DI SEMENANJUNG DAN MALAYSIA TIMUR

Pada tahun 2007, Malaysia telah mengundi untuk menerima Deklarasi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Orang Asal. Deklarasi tersebut menjamin hak Orang Asal untuk menentukan nasib sendiri; izin maklum awal, bebas dan telus; integriti budaya; perlindungan mata pencarian; dan akses kepada perkhidmatan asas yang berkualiti. Namun, negara ini belum meratifikasi Konvensyen 169 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organisation) yang mengiktiraf aspirasi Orang Asal untuk mempunyai autonomi ke atas institusi mereka, cara hidup dan pembangunan ekonomi mereka serta hak untuk mengekalkan dan membangunkan identiti, bahasa dan agama mereka sendiri. Asas-asas Konvensyen 169 termasuk penyertaan dan perundingan.²

Walaupun masyarakat Orang Asal di Malaysia mempunyai perlindungan undang-undang tertentu, mereka masih berhadapan dengan pelbagai masalah, khususnya masalah-masalah berkaitan Hak Tanah Adat. Banyak komuniti luar bandar telah berjuang menghadapi

1 Mohd Hishamudin Yunus, *Protection of Marginalised Minorities under the Constitution*.

2 International Labour Organisation, *Convention 169 and International Day of the World's Indigenous People*.
https://www.ilo.org/century/history/iloandyou/WCMS_190269/lang--en/index.htm



kerajaan Malaysia dari segi undang-undang untuk mengekalkan hak ke atas hutan primer dan sekunder yang semakin berkurang di tanah adat mereka, namun kejayaan mereka terhad.

Pada tahun 2020, Banci Malaysia menganggarkan bahawa kira-kira 11% daripada 32.4 juta penduduk negara Malaysia ialah Orang Asal.

0.8% daripada penduduk Semenanjung Malaysia terdiri daripada kelompok-kelompok Orang Asli iaitu Negrito (Semang), Senoi dan Melayu-Proto yang merangkumi 18 suku kaum. Suku kaum Melayu-Proto termasuk Jakun, Temuan, Temoq, Semelai, Kuala, Kanaq dan Seletar. Suku kaum Senoi termasuk Temiar, Semai, Semag Beri, Jah Hut, Mah Meri dan Cheq Wong. Suku kaum Semang termasuk Kensiu, Kintaq, Lanoh, Jahai, Batek, Mendriq dan Mintil.

Di Sarawak, Orang Asal dikenali sebagai Bumiputera atau Dayak (istilah Orang Ulu digunakan secara umum bagi beberapa komuniti Orang Asal di wilayah timur laut Sarawak). Mereka terdiri daripada suku Iban, Bidayuh, Kenyah, Kayan, Kedayan, Lun Bawang, Punan, Bisayah, Kelabit, Berawan, Kejaman, Ukit, Sekapan, Melanau dan Penan (serta 12 suku lain yang baru diiktiraf). Bilangan penduduk Orang Asal di Sarawak adalah lebih kurang 1.2 juta orang atau hampir 50% daripada jumlah keseluruhan penduduk Sarawak yang seramai 2.45 juta orang.

Di Sabah, Orang Asal digelarkan sebagai Bumiputera atau Anak Negeri yang merangkumi lebih kurang 2.1 juta orang atau 62% daripada jumlah keseluruhan penduduk Sabah yang seramai 3.4 juta orang. Kelompok-kelompok utama ialah Dusun, Murut, Paitan dan Bajau.

Walaupun orang Melayu juga merupakan penduduk asal Malaysia, mereka tidak dianggap sebagai Orang Asal kerana orang Melayu merupakan majoriti dan adalah dominan dari segi politik, ekonomi dan sosial.³

The International Work Group for Indigenous Affairs

³ The International Work Group for Indigenous Affairs, *The Indigenous World 2023: Malaysia*. <https://www.iw-gia.org/en/malaysia/5125-iw-2023-malaysia.html>



Untuk rujukan pantas, berikut merupakan peringatan tentang beberapa istilah utama:

Malaysia	Terbahagi kepada dua wilayah geografi utama, iaitu Semenanjung Malaysia (Semenanjung) dan Malaysia Timur.
Semenanjung & Malaysia Timur	Walaupun dua buah wilayah ini terletak dalam negara yang sama, terdapat perbezaan geografi, bahasa, budaya dan etnik.
Borneo	Terdiri daripada tiga buah negara: Malaysia (Sarawak dan Sabah), Indonesia (Kalimantan) dan kesultanan Brunei.
Orang Asal	Merangkumi 11% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia—lebih daripada 50% di Malaysia Timur dan kurang daripada 1% di Semenanjung.
Orang Asli	Gelaran untuk masyarakat Orang Asal di Semenanjung. Orang Asli menghadapi cabaran dan isu yang berbeza, termasuk hak tanah dan pengiktirafan undang-undang.
Anak Negeri	Istilah undang-undang untuk masyarakat Orang Asal di Malaysia Timur.
Dayak	Istilah umum yang biasa digunakan untuk beberapa buah suku Orang Asal di Borneo. Di Sarawak, suku Iban dan Bidayuh termasuk dalam kelompok Dayak.
Orang Ulu	Istilah politik yang dicipta untuk hampir 30 suku yang kecil tetapi berlainan di bahagian timur laut Sarawak. Orang Ulu merangkumi Kayan, Kenyah, Penan, Kajang, Punan, Kelabit, Berawan, Lun Bawang, Sa'ban dan banyak lagi.
KDMR	Akronim yang digunakan di Sabah untuk mentakrifkan beberapa kelompok Orang Asal yang lebih besar di Sabah, iaitu Kadazan, Dusun, Murut dan Rungus. Istilah ini bersifat kontroversial dan sering diperdebatkan. ‘Momogun’ telah dicadangkan sebagai istilah alternatif yang umum untuk masyarakat Orang Asal di Sabah, tetapi ini juga merupakan hal yang kontroversial.




Bumiputera	Bumiputera merujuk kepada suku Melayu dan Orang Asli di Semenanjung dan Orang Asal di Malaysia Timur. Hak Bumiputera termaktub dalam Perlembagaan Malaysia yang memberikan keistimewaan dalam pelbagai sektor, termasuk pendidikan, pekerjaan, perniagaan dan pemilikan tanah. Hak-hak ini diperkenalkan pada tahun 1970-an dengan tujuan untuk menangani ketidaksamarataan sosio-ekonomi yang telah lama wujud dan memperkasakan masyarakat Bumiputera. Hak-hak ini termasuk kuota untuk biasiswa kerajaan, jawatan yang dikhaskan dalam pekerjaan sektor awam serta layanan keutamaan dalam kontrak perniagaan serta perolehan kerajaan, di samping tindakan afirmatif yang lain. Dasar ini adalah kontroversial dan dikatakan mempunyai diskriminasi perkauman.
-------------------	--

Bahagian 1

GAMBARAN KESELURUHAN PENDEKATAN KAEDAH ANTARABANGSA

Panduan ini tertumpu pada keterlibatan komuniti dan pembangunan hubungan yang saling menghormati dan bermanfaat dengan komuniti-komuniti di Malaysia.

Berikut adalah beberapa prinsip yang telah dibangunkan di peringkat antarabangsa berkenaan pendekatan beretika apabila bekerja bersama komuniti Orang Asal. Sila ambil maklum bahawa prinsip-prinsip ini telah dibangunkan oleh komuniti, pihak berkuasa dan penyelidik Orang Asal dari negara-negara peneroka kolonial (*settler colonial nations*), terutamanya Kanada dan Australia. Ia harus diakui bahawa pengalaman, cabaran, peminggiran dan penindasan komuniti Orang Asal di negara-negara peneroka pasca kolonial adalah berbeza daripada negara-negara pasca kolonial bukan peneroka. Walaupun pendekatan dan strategi antarabangsa ini boleh digunakan sebagai rangka kerja untuk membimbing kerja anda, terdapat pelbagai metodologi bersifat spesifik, setempat dan tersuai yang juga telah dibangunkan bersama komuniti Orang Asal dan tempatan di rantau Selatan Global (*Global South*). Namun begitu, metodologi-metodologi ini mungkin kurang diterbitkan secara luas serta lebih susah didapati.





METODOLOGI ORANG ASAL

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, wujud desakan global agar pendekatan yang lebih hormat diterapkan dalam penyelidikan dan penglibatan dengan masyarakat Orang Asal serta tumpuan diberikan untuk menerima sistem pengetahuan dan adat budaya Orang Asal.

Metodologi Orang Asal mengetengahkan pengetahuan, amalan dan falsafah komuniti mereka serta bersifat unik bagi setiap kelompok. Secara amnya, kaedah-kaedah ini menekankan tradisi lisan, kerjasama komuniti, rasa hormat terhadap alam semula jadi dan nilai pengetahuan kolektif, sambil mengambil kedudukan bahawa kaedah Orang Asal seperti penceritaan merupakan cara yang sah untuk mendokumentasikan pengetahuan.

Enam R: *Respect* (Rasa Hormat), *Relationship* (Hubungan), *Representation* (Perwakilan), *Relevance* (Kesesuaian), *Responsibility* (Kebertanggungjawaban) dan *Reciprocity* (Kesalingan) merupakan prinsip yang telah lama diiktiraf yang menyediakan rangka kerja untuk melibatkan diri dengan sistem pengetahuan Orang Asal, memupuk hubungan yang saling menghormati dan membimbing amalan yang menghargai perspektif serta cara pengetahuan Orang Asal.¹

1

RESPECT (RASA HORMAT)

- Iktiraf dan hargai kepelbagaian budaya, bahasa, tradisi, perspektif dan adat Orang Asal. Elakkan membuat andaian berdasarkan stereotaip.
- Akui hak komuniti Orang Asal ke atas autonomi, penentuan nasib sendiri dan kawalan ke atas urusan mereka sendiri, termasuk tanah, sumber dan proses membuat keputusan.

2

RELATIONSHIP (HUBUNGAN)

- Fahami hubungan saling berkait antara identiti Orang Asal dan alam semula jadi, tanah, air, leluhur mereka dan generasi akan datang.
- Iktiraf pentingnya hubungan dalam pandangan dunia Orang Asal serta sikap bertanggungjawab, hormat menghormati dan

¹ Ranalda L. Tsosie dll, *The Six Rs of Indigenous Research*. <https://tribalcollegejournal.org/the-six-rs-of-indigenous-research>



boleh dipercayai terhadap tanah, masyarakat, alam semula jadi, pengetahuan leluhur dan sistem kepercayaan.

3

REPRESENTATION (PERWAKILAN)

- Pastikan perspektif dan naratif Orang Asal diwakili dengan tepat dan penuh hormat serta fahami bahawa komuniti mempunyai pelbagai suara dengan mengelakkan stereotaip atau generalisasi.
- Beri ruang kepada individu Orang Asal untuk mewakili diri mereka secara autentik dan kenal pasti serta berkongsi perkara yang relevan dan penting bagi mereka. Akui sejarah dan peranan penyelidikan kolonial dan muzium dalam situasi masa kini.

4

RELEVANCE (KESESUAIAN)

- Pastikan bahawa sebarang program, dasar atau inisiatif penyelidikan bersifat peka dan sesuai budaya serta bermakna dari segi keperluan, nilai dan keutamaan khusus komuniti Orang Asal tersebut.
- Iktiraf, hargai dan hormati kekayaan pengetahuan tradisional yang dimiliki oleh komuniti Orang Asal mengenai alam sekitar, sumber dan amalan mampan mereka.

5

RESPONSIBILITY (KEBERTANGGUNGJAWABAN)

- Patuhi garis panduan etika dan rangka kerja undang-undang yang berkuasa ke atas penyelidikan, kolaborasi dan penglibatan dengan komuniti Orang Asal. Ini termasuk mendapatkan izin maklum awal, menghormati hak tanah dan menegakkan hak asasi manusia.
- Bertanggungjawablah ke atas tindakan, keputusan dan hasil daripada pengetahuan yang diamanahkan kepada anda. Tangani sebarang impak negatif atau konflik yang mungkin timbul daripada penyelidikan atau inisiatif anda.
- Huraikan skop, tempoh dan hasil projek anda dengan jelas, tangani sebarang permintaan komuniti untuk melakukan perubahan dan sampaikan maklumat terkini secara berkala.



6

RECIPROCITY (KESALINGAN)

- Pastikan projek anda bersifat saling memanfaatkan dan dikongsi dengan komuniti Orang Asal tersebut. Misalnya, ini boleh berupa pampasan kewangan, pembinaan kapasiti, pembangunan kemahiran atau akses kepada pelbagai sumber.
- Pupuk hubungan jangka panjang yang dibina atas asas kepercayaan bersama dan saling menghormati, daripada terlibat dalam projek jangka pendek yang bersifat ekstraktif (lebih banyak mengambil daripada memberi). Pastikan bahawa anda kekalkan hubungan yang dinamik dengan rasa tanggungjawab yang sama semasa anda mengendalikan pelbagai hubungan.

KEDAULATAN DATA ORANG ASAL

Kedaulatan data Orang Asal menekankan hak Orang Asal untuk mengawal pengumpulan, pemilikan dan penggunaan bahan penyelidikan, pengetahuan, tradisi lisan serta data yang diambil daripada komuniti mereka. Prinsip ini yang khususnya dipegang di Australia dan Amerika Utara mengakui bahawa data adalah penting untuk memperkukuhkan komuniti, memulihkan amalan, melaksanakan hak dan mewakili komuniti dengan tepat sambil melindungi ilmu pengetahuan dan mencegah sebarang eksploitasi daripada pihak luar.²

Menghormati kedaulatan data mengiktiraf dinamik kuasa yang wujud antara pertubuhan luar, golongan terpinggir dan kesilapan masa lalu.

Beberapa prinsip panduan asas termasuk:

1. Hanya menyiar maklumat Orang Asal dengan persetujuan mereka—amalkan dokumen persetujuan penggunaan data.
2. Hormati lembaga semakan dalaman komuniti Orang Asal tersebut dan sahkan sistem maklum balas yang boleh digunakan oleh pimpinan dan komuniti setempat.
3. Gunakan pendekatan yang menggabungkan pelbagai kaedah penyelidikan dan mengambil kira cara pengetahuan Orang Asal.

² Takrif oleh Stephanie Carroll dll, *Indigenous Data Governance: Strategies from United States Native Nations*.



4. Hormati kuasa Orang Asal untuk mengawal dan menentukan penyiaran sebarang maklumat.
5. Sokong pembangunan piawai undang-undang yang melindungi hak Orang Asal dan bergantung kepada izin maklum awal, bebas, telus dan kekal.

FREE, PRIOR AND INFORMED CONSENT (FPIC) / IZIN MAKLUM AWAL, BEBAS DAN TELUS (IMABT)

Prinsip IMABT mengakui hak masyarakat setempat untuk membuat keputusan termaklum mengenai aktiviti atau projek yang boleh memberi kesan terhadap tanah, sumber, budaya atau mata pencarian mereka. Prinsip ini merupakan piawai hak asasi manusia antarabangsa yang asas, seperti mana yang termaktub dalam Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP). Prinsip ini mengutamakan penentuan nasib sendiri, autonomi dan hak masyarakat Orang Asal sambil mengekalkan hubungan yang saling bermanfaat antara masyarakat ini dengan pihak luar seperti kerajaan, syarikat atau pertubuhan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat usaha untuk membuat penambahan berupa ‘izin maklum awal, bebas, telus dan kekal’ yang menekankan kepentingan untuk mendapatkan izin dan kelulusan yang berterusan daripada komuniti Orang Asal. Namun, terdapat juga kritikan yang signifikan terhadap proses IMABT dan bagaimana proses ini disampaikan oleh sesetengah industri dan negara yang mendakwa telah menerima IMABT daripada ahli komuniti terpilih untuk meneruskan projek pembangunan berskala besar. Oleh itu, adalah penting bahawa prinsip-prinsip IMABT diutamakan dan dipatuhi, daripada menegaskan bahawa IMABT itu sendiri telah dilaksanakan lalu disampaikan sebagai usaha yang mencukupi untuk melibatkan komuniti tertentu.

Secara ringkasnya, peranan dan tanggungjawab penyelidik serta ketua program tidak dapat dinafikan, begitu juga dengan perlunya mengintegrasikan amalan beretika dalam pendekatan anda. Di samping itu, adalah penting untuk mengakui dinamik kuasa yang mungkin wujud antara penyelidik yang mempunyai akses kepada rangkaian dan teknologi yang luas, dan komuniti yang mempunyai



akses yang lebih terhad—tanpa mengira status mereka sebagai Orang Asal atau bukan Orang Asal.

“(Penyelidik bukan Orang Asal) mempunyai kuasa untuk memutarbelitkan, melenyapkan, mengabaikan, menokok tambah dan membuat kesimpulan bukan berdasarkan data, tetapi berdasarkan andaian dan salah faham. Mereka mempunyai potensi untuk memperluaskan pengetahuan atau mengekalkan kejahilan.”³

Linda Tuhiwai Smith

³ Linda Tuhiwai Smith, *Decolonizing Methodologies: Research and Indigenous Peoples*.



Sebahagian daripada *Bongkud Namaus* (2016) oleh Pangrok Sulap.
Cetakan kayu, 244 cm x 122 cm.



Bahagian 2

PERTIMBANGAN DAN PENDEKATAN UNTUK KETERLIBATAN KOMUNITI

Meminta izin, mendapatkan persetujuan, memohon maaf atas kesalahan atau kemudaratan yang tidak disengajakan serta mengucapkan terima kasih adalah sebahagian daripada pandangan dunia masyarakat Malaysia. Amalan ini bukan sahaja wujud dalam hubungan antara manusia, tetapi juga dalam interaksi antara manusia dengan haiwan, alam semula jadi dan alam tidak nyata. Pandangan dunia ini diamalkan oleh masyarakat luar bandar, tetapi juga difahami dan diikuti oleh masyarakat bandar yang mempunyai pertalian darah dengan masyarakat luar bandar.

Sering kali, sebelum sesebuah kumpulan memasuki hutan, terdapat pengiktirafan umum bahawa hutan bukannya lagi kawasan manusia dan bacaan doa akan dilakukan di samping permohonan untuk perjalanan yang selamat. Denai perlu diikuti dan walaupun ramai orang akan membawa parang untuk membersihkan jalan, pokok-pokok dan persekitaran tidak akan ditebang sewenang-wenangnya atau dengan terlalu agresif—cukup ruang diberikan supaya manusia dan alam semula jadi dapat terus wujud bersama.

Jika seseorang perlu membuang air di dalam hutan, dia akan mencari sebuah tempat yang tenang dan jauh dari denai. Selalunya, sesiapa sahaja yang ingin melakukan urusan sedemikian dinasihatkan untuk mengucap contohnya “Aku perlu melepaskan hajat, aku memohon maaf jika ini kediamanmu atau jika aku merosakkan tempatmu.” Ucapan ini diberi kepada alam tidak nyata, sekiranya tempat tersebut didiami makhluk halus. Permohonan maaf dan pernyataan niat itu ditujukan andai sebarang kemudaratan yang tida disengajakan terjadi. Pandangan dunia ini memastikan bahawa penghormatan diberi dan izin dicari secara tersirat, walaupun kesilapan yang mungkin berlaku belum diketahui dan tidak kelihatan, agar ruang-ruang ini diiktiraf sebagai alam, persekitaran atau kediaman makhluk-makhluk lain.



ADAT DAN ALAM

Di rantau Asia Tenggara, konsep alam tidak hanya merujuk kepada alam semula jadi yang nyata sifatnya, tetapi juga merangkumi alam tidak nyata, hal metafizik dan makhluk halus. Alam semula jadi dan alam spiritual saling terkait antara satu sama lain dalam pandangan dunia Orang Asal Borneo dan masyarakat tradisional Malaysia. Sains, agama dan amalan tradisional tidak dianggap bercanggah, malah adat dan cerita rakyat juga memiliki nilai yang sama tingginya dengan penjelasan saintifik.

Holisme Orang Asal menghargai hubungan saling berkait antara diri dengan yang bernyawa dan tidak bernyawa, serta hubungan metafizik dalam dan antara alam fizikal, emosi, budaya dan intelektual.¹

Di Malaysia, istilah ‘adat’ merujuk kepada undang-undang, amalan budaya dan sistem pengetahuan tradisional yang diwarisi secara turun-temurun antara pelbagai suku kaum di negara ini. Adat meliputi norma sosial, upacara dan tingkah laku yang berkuasa ke atas pelbagai aspek kehidupan seperti perkahwinan, keluarga dan agama serta membimbing hubungan antara manusia dengan alam sekitar.

Setiap komuniti telah membangunkan adat tersendiri yang sesuai dengan keadaan geografi, persekitaran, spiritual dan sosial mereka. Di Malaysia Timur, adat lebih jelas diamalkan di kawasan luar bandar kerana masyarakat setempat masih menetap berdekatan satu sama lain dan meneruskan amalan tradisional seperti pertanian, memburu, menangkap ikan, kraf serta adat resam. Di kawasan bandar, walaupun masyarakat bandar telah menyesuaikan cara hidup mereka mengikut tuntutan pemodenan, adat masih menjadi asas kepada dinamik hubungan, seperti menghormati orang tua, memelihara budaya dan adat serta amalan gotong-royong semasa majlis perkahwinan, pengebumian dan perayaan komuniti. Banyak komuniti Orang Asli di Semenanjung masih memegang dan mengamalkan adat mereka, sama juga di kalangan komuniti-komuniti yang tinggal di ibu kota.

Prinsip dan konsep adat menyumbang kepada sistem sosiobudaya dan ekonomi-politik moden serta kepada kesejahteraan manusia dan pemeliharaan alam semula jadi apabila tidak terhalang oleh struktur semasa. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat kebangkitan dan penekanan semula nilai sistem pengetahuan Orang

¹ Michelle Pidgeon & Tasha Riley, *Understanding the Application and Use of Indigenous Research Methodologies in the Social Sciences by Indigenous and Non-Indigenous Scholars*.



Asal dan peranan penting yang boleh dimainkan oleh pengetahuan ini dalam pengurusan sumber dan amalan komuniti yang mampan di Malaysia. Walaupun sebahagian besar daripada pengetahuan Orang Asal masih wujud sebagai tradisi lisan, terdapat usaha yang signifikan oleh penyelidik, komuniti dan pertubuhan tempatan untuk mendokumentasikan amalan-amalan ini. Secara umum, adat komuniti termasuk panduan berkenaan:

- hak tanah dan pengurusan tanah adat;
- pentadbiran dan pembuatan keputusan;
- kepercayaan rohani dan budaya;
- norma dan protokol sosial;
- pengetahuan dan amalan tradisional;
- pengurusan alam dan persekitaran.

Oleh yang demikian, ketika anda berurusan dengan komuniti, adalah penting untuk membincangkan adat, amalan dan pantang larang yang khusus supaya anda boleh memahami dan berusaha mematuhi amalan dan protokol yang telah ditubuhkan dalam komuniti tersebut.

MENGHORMATI MASYARAKAT SETEMPAT

Di Malaysia, terdapat lebih daripada 50 buah kelompok Orang Asal yang sebahagiannya tinggal di bandar dan mengamalkan cara hidup bandar. Oleh itu, kita tidak boleh membuat sebarang andaian tentang cara hidup, persekitaran dan lokasi geografi individu-individu Orang Asal. Ada yang tinggal di bandar dan bekerja di pejabat dan ada juga yang tinggal di luar bandar dan meneruskan kaedah pengurusan tanah yang telah diwarisi secara turun temurun. Pada waktu-waktu tertentu dalam hidup mereka, mereka mungkin menjalani kedua-dua gaya hidup ini.

Negeri Sabah dan Sarawak terletak di pulau Borneo. Bagi ramai orang, nama ‘Borneo’ menggambarkan tanah tropika, pulau-pulau indah, haiwan eksotik dan hutan hujan yang liar. Walaupun poster dan media pelancongan sering memaparkan masyarakat Orang Asal dalam pakaian tradisional, stereotaip ini boleh memudaratkan mereka. Gambaran ini membawa andaian malas bahawa penduduk Borneo hanya menetap di hutan dan bahawa penyelesaian perlu diwujudkan untuk ‘menyelamatkan’ mereka tanpa memahami bahawa terdapat perspektif, gaya hidup dan cara kewujudan yang pelbagai, berbeza dan ada kalanya bertentangan.



Walaupun situasi dan pengalaman masyarakat Orang Asal mempunyai pelbagai aspek, salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar ialah penghijrahan ke kawasan bandar. Ramai orang muda meninggalkan kampung halaman dan komuniti mereka untuk mencari peluang ekonomi di bandar. Malah, kebanyakan daripada mereka berhijrah pada usia yang lebih muda. Anak-anak kecil meninggalkan kampung halaman dan belajar di sekolah asrama yang terletak di tempat yang lebih padat penduduknya. Mereka pula hanya kembali ke kampung apabila tibanya musim cuti. Akhirnya kampung, rumah atas air dan rumah panjang hanya didiami oleh orang tua yang menjaga bayi dan anak kecil. Pemisahan yang terjadi antara generasi muda dan tua ini menyebabkan proses pemindahan ilmu antara generasi juga terputus. Halini memberi kesan besar terhadap ilmu pengetahuan, adat, bahasa, seni dan kraf serta penceritaan yang biasanya diperturunkan secara lisan oleh golongan tua kepada golongan muda.

Selain itu, masyarakat Orang Asal berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan hak tanah adat dan melawan perampasan tanah untuk tujuan pembangunan, penebangan hutan dan amalan pemuliharaan yang dipaksakan. Mereka juga menjadi mangsa kepada projek ladang monokultur dan amalan pelancongan bersifat mengeksploitasi. Banyak komuniti menjalankan kegiatan perladangan komersial seperti penanaman lada dan kelapa sawit setelah beralih daripada getah dan koko sejak 150 tahun yang lalu. Perubahan harga perdagangan antarabangsa juga boleh memberi kesan besar terhadap keselamatan ekonomi masyarakat petani luar bandar.

Kegiatan pelancongan berlebihan juga boleh membawa cabaran besar kepada masyarakat setempat yang seringkali dieksploitasi dan 'dieksotikkan' oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, khususnya pemandu pelancong dan pelawat yang kurang peka. Apabila tanah dibeli pihak pemaju dan pemilik perniagaan yang ingin mengambil kesempatan daripada kegiatan pelancongan, ahli komuniti boleh berhadapan dengan masalah untuk menuntut hak tanah adat dan menyediakan dokumen sah. Masalah ini dihadapi terutamanya oleh masyarakat Orang Asal yang tidak dapat menuntut hak tanah adat mereka. Masyarakat tanpa dokumen dan kewarganegaraan yang tinggal di kawasan pesisir pantai serta mengamalkan kehidupan nomad di laut tidak diiktiraf secara rasmi semasa pembentukan Malaysia. Ini menyebabkan masyarakat ini terdedah kepada risiko pelancongan, pembangunan hospitaliti dan kesusahan mendapatkan hak undang-undang ke atas tanah dan tempat tinggal.



IKTIRAF LELUHUR ANDA

Pada akhir abad ke-19, penyelidikan, dokumentasi dan amalan koleksi muzium berasaskan kaedah Barat dijalankan di Malaysia. Muzium dan penulisan pegawai kolonial biasanya merupakan sebahagian daripada alat penjajahan untuk mempamerkan ‘bukti’ kehebatan ideologi dan masyarakat Barat. Banyak buku yang diterbitkan pada zaman tersebut mengisahkan tentang kehidupan dan amalan masyarakat Orang Asal di samping menggunakan frenologi, iaitu sebuah kaedah saintifik untuk mengukur saiz tengkorak yang telah terbukti salah dan bersifat rasis.

Pentadbiran Brooke yang sering dirujuk sebagai *White Rajahs* (Rajah Putih), diterajui oleh sebuah keluarga British yang memerintah Sarawak sebagai sebuah negara berdaulat pada abad ke-19 dan ke-20. Walaupun sering terdapat rasa nostalgia terhadap dinasti Brooke di Sarawak, Sabah mengalami pengalaman penjajahan yang berbeza di bawah pentadbiran syarikat berpiagam British, iaitu The North Borneo Chartered Company. Semenanjung Malaysia, yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu, berada di bawah pemerintahan British dari tahun 1820-an hingga tahun 1957.

Hakikatnya, warisan pemerintahan kolonial dan impak amalan penyelidikan serta pendokumentasian masa lalu masih lagi berterusan hingga hari ini, terutamanya bagi masyarakat yang mempunyai tradisi perkongsian ilmu secara lisan. Kini, mereka terpaksa bergantung kepada buku, teks dan gambar yang bermasalah untuk memahami sejarah sendiri.

Sejak beberapa dekad mutakhir, ramai ahli akademik, penyelidik, aktivis dan ahli masyarakat setempat mula menghasilkan bahan dan dokumentasi bertulis mahupun video untuk kegunaan masyarakat. Namun, disebabkan beberapa cabaran termasuk peluang penerbitan yang terhad, jumlah cetakan yang kecil, kekurangan dana dan pempolitan kemudahan percetakan milik kerajaan, terdapat kekurangan sumber dan penerbitan yang sedia ada. Malah, kerja pendokumentasian komuniti sering dilakukan oleh NGO atau atas inisiatif komuniti itu sendiri.

Sebahagian daripada identiti, kedudukan dan dinamik kuasa pada zaman moden kini merupakan warisan sejarah kolonial ini. Oleh itu, adalah penting untuk memahami peranan sejarah ini dalam mempengaruhi pandangan sesebuah komuniti terhadap anda dan pandangan anda terhadap mereka. Apabila anda bekerja bersama sesebuah komuniti, anda mungkin merupakan salah seorang



daripada ramai penyelidik atau pertubuhan/individu luar yang pernah berhubung dengan mereka sebelum ini. Fahamilah bahawa anda mungkin dianggap sebagai sebahagian daripada ‘kolektif’ orang luar—orang luar inilah yang dianggap sebagai ‘leluhur’ anda, dan dari perspektif komuniti, anda mungkin memikul tanggungjawab bersama ke atas segala tindakan dan kemudaran lalu yang mungkin telah dilakukan terhadap komuniti tersebut.

Oleh itu, sedarlah juga akan ‘keturunan’ anda—bagaimanakah individu atau pertubuhan yang berurusan dengan komuniti ini selepas anda boleh dipengaruhi oleh kerja anda dan warisan yang anda tinggalkan? Hadapi tanggungjawab dan kebertanggungjawaban anda serta galakkan penyelidik lain untuk mengikuti prinsip izin maklum awal yang aktif dan kekal. Wujudkan dokumentasi yang jelas tentang interaksi, keputusan dan persetujuan yang anda lakukan bersama komuniti—ini membantu memastikan bahawa ketelusan dan kebertanggungjawaban sentiasa terjaga.

KOLABORASI DAN CIPTA SAMA

- Berkomunikasilah dengan komuniti dan bersifat terbuka mengenai objektif penyelidikan anda, siapa dan apa yang terlibat serta di mana dan mengapa anda menjalankan kerja tersebut. Bekalkan maklumat tentang projek anda—tentang sumber pembiayaan, rakan projek dan sebagainya. Berhati-hatilah agar anda tidak memberi janji berlebihan atau mencadangkan projek yang masih belum terjamin.
- Pupuk hubungan bersifat kolaboratif, kenal pasti rakan utama dan libatkan komuniti untuk memilih wakil serta orang tengah. Penentuan wakil komuniti, orang tengah, penterjemah dan jurubahasa adalah salah satu langkah utama pertama dalam sesebuah kerja komuniti. Perkara ini penting dalam membantu keterlibatan komuniti serta pemahaman struktur sosial.
- Setiap komuniti memiliki dinamik kepimpinan dan struktur sosial tersendiri—luangkan masa untuk memahami perkara-perkara ini. Sentiasa libatkan ketua masyarakat dan sediakan peluang untuk membuat keputusan melalui konsensus. Ambil maklum bahawa ketua masyarakat kadangkala merupakan lantikan politik dan tidak semestinya mewakili semua penduduk.



- Kenal pasti ketua-ketua yang tidak rasmi, iaitu ketua wanita dan belia, dalam perbincangan kumpulan fokus atau sesi individu di mana mereka mempunyai ruang untuk meluahkan diri dengan lebih bebas tanpa dinamik kuasa yang sedia ada. Pastikan pelbagai suara dan perspektif diambil kira dalam kalangan komuniti dan semua jantina diwakili secara adil.
- Pastikan ahli komuniti terlibat secara aktif dalam konsep dan kurasi projek dan bukannya sekadar objek atau subjek dalam kerja anda. Libatkan mereka dalam proses membuat keputusan; ini merangkumi perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek. Sediakan masa untuk menilai dan melakukan renungan bersama ahli komuniti—sesuaikan dan ubah suai projek anda berdasarkan maklum balas yang diterima.
- Tanya diri anda bagaimana kerja anda memberi manfaat kepada komuniti dan bagaimana kerja tersebut boleh ‘dikembalikan’ kepada mereka. Pastikan bahawa anda menerbitkan/membentangkan penemuan anda dengan ahli komuniti dan pertimbangkan cara yang sesuai budaya serta mudah diakses agar anda dapat berkongsi hasil kerja tersebut. Kumpulkan nama ahli komuniti supaya anda boleh mengiktiraf mereka dengan tepat, tetapi pastikan bahawa anda mendapatkan izin mereka terlebih dahulu. Mereka mungkin ingin menjaga privasi jika mereka berkongsi hal yang bersifat peribadi atau sensitif. Luangkan masa untuk memahami kekompleksan pengetahuan Orang Asal—apakah yang bersifat awam dan boleh dikongsi, apakah yang sakral, apakah motif dan reka bentuk yang boleh dan tidak boleh diubah suai. Ini bukannya maklumat yang boleh diperolehi melalui lawatan jangka pendek yang dijalankan sekali sahaja, ia mungkin mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk membina kepercayaan! Tanya komuniti apakah cara yang sesuai untuk mengumpulkan maklumat ini dan pastikan bahawa anda mendapat izin yang konsisten.

DENGAR, BELAJAR DAN RELA DIBIMBING

- Jangan buat andaian tentang kehidupan, cabaran dan keadaan ekonomi orang lain untuk memenuhi prasangka anda terhadap sesebuah komuniti. Perkara ini boleh membawa kemudaratan terhadap komuniti tersebut, terhadap anda dan kredibiliti projek anda.



- Komuniti mempunyai kebebasan. Fahami bahawa ahli-ahli komuniti merupakan pakar, pembawa pengetahuan dan penjaga kebijaksanaan leluhur mereka sendiri. Mereka mengetahui cabaran dan keperluan mereka lebih daripada orang lain—minta bimbingan daripada mereka dan pastikan bahawa anda mendengar sebelum anda membangkitkan sesuatu. Jangan sesekali mengandaikan bahawa anda memahami sesuatu masalah atau mempunyai penyelesaian yang tidak diperlukan, diingini atau dipersetujui oleh komuniti.
- Masyarakat Orang Asal sering menganggap pengetahuan dan budaya sebagai sebuah identiti kolektif dan aset yang dikongsi bersama, bukannya sebagai pembawa pengetahuan yang berasingan. Pemilikan komuniti mesti difahami apabila mengambil kira harta intelek.
- Berhati-hatilah apabila berurusan dengan sesiapa. Walaupun pengetahuan bersifat kolektif, sesetengah individu mungkin mempunyai kecenderungan politik atau keagamaan tertentu. Pastikan anda melakukan semakan latar belakang dengan komuniti mengenai individu-individu yang berkaitan dengan subjek kerja yang anda. Maklumat mungkin hadir dalam pelbagai versi yang benuansa. Terima semua maklumat ini untuk pertimbangan berlainan, jangan lakukan generalisasi dan jangan bekalkan maklumat yang diperoleh daripada satu pihak kepada pihak seterusnya.
- Jika boleh, tinggal bersama komuniti untuk satu tempoh masa bagi memahami kehidupan mereka dengan lebih baik. Bina ikatan dengan menyertai aktiviti harian mereka untuk membina kepercayaan dan jalin hubungan dengan pelbagai ahli komuniti.

SENTIASA BERFIKIRAN TERBUKA

- Masyarakat Orang Asal, luar bandar dan/atau terpinggir mempunyai amalan serta cara berfikir dan bertindak yang telah dibangunkan sejak turun temurun. Perkara-perkara ini mungkin tidak selaras dengan sistem pendidikan dominan atau nilai-nilai berpusatkan Barat berkenaan pembangunan, pemuliharaan dan kemampunan.



- Hindari stereotaip dan naratif bahawa “orang miskin perlu dibantu”. Kita bukannya penyelamat mereka dan mereka bukannya hiasan untuk anda atau kerja pertubuhan anda.
- Keluar dari zon selesa anda—jika mereka ingin anda menari ‘poco-poco’ (sebuah tarian tempatan yang popular) atau menyanyi karaoke bersama, maka sertailah mereka. Ini merupakan cara yang positif untuk membina rasa percaya dalam hubungan anda dengan mereka.
- Semasa musim perayaan tertentu, terutamanya semasa pesta menuai, masyarakat setempat mungkin akan meraikan peristiwa tersebut dengan meminum alkohol dan mengajak para tetamu untuk turut serta. Jagalah batasan anda sendiri tanpa menyinggung sesiapa, terutamanya jika anda merupakan satu-satunya penyelidik/pekerja wanita di sana. Jika anda lebih suka untuk tidak minum atau berhenti minum, anda disarankan untuk menggunakan alasan seperti sedang mengambil ubat atau berasa kurang sihat. Mereka juga akan menghormati alasan berkaitan kepercayaan agama.
- Makanan merupakan hal yang amat penting. Jangan sesekali menolak makanan secara terang-terangan, sebaliknya ambil apa yang boleh dimakan sahaja. Jika anda mempunyai pantang diet tertentu, bawa bekalan untuk dikongsi bersama. Berhati-hati bahawa anda tidak meluahkan keengganan secara terbuka dan elakkan sikap merendahkan hidangan serta budaya pemakanan komuniti itu.
- Hormati cara pengurusan hutan oleh komuniti yang bergantung pada hutan. Masyarakat luar bandar umumnya bergantung pada daging haiwan liar. Oleh kerana ini merupakan sumber makanan yang sangat berharga, kadangkala semua bahagian haiwan tersebut akan dimasak dan dihidangkan dalam satu hidangan.
- Sesetengah daging haiwan liar yang dihidangkan mungkin daripada haiwan yang termasuk dalam senarai haiwan terpelihara atau terancam. Walau bagaimanapun, komuniti-komuniti ini telah membangunkan sistem buruan yang mampan dan memiliki hak adat tertentu untuk berburu. Hormati kaedah pemburuan mereka walaupun anda tidak bersetuju. Jika anda memilih untuk tidak memakan daging haiwan liar, maklumkan kepada tuan rumah bahawa anda



seorang vegetarian atau beritahu secara hormat bahawa anda tidak boleh memakan hidangan tersebut.

- Jika anda akan berada di sana untuk jangka masa yang panjang, anda boleh membuat pertimbangan untuk membawa bekalan sendiri agar tidak membebankan tuan rumah. Sebarang bekalan lebihan juga boleh ditinggalkan bersama tuan rumah.

KETERSAMPAIAN, KESAMARATAAN DAN KEBENARAN

- Pastikan bahawa penerangan tentang projek anda tersampai—gunakan istilah dan bahasa yang sesuai, jangan gunakan akronim atau istilah yang terlampau akademik. Dapatkan penterjemah jika perlu dan elakkan penggunaan istilah-istilah yang bermasalah seperti ‘primitif’ serta ‘tidak berpendidikan’. Anda mempunyai kewajiban untuk memahami dan menyokong keperluan komuniti, sambil menolak sebarang eksploitasi ke atas masyarakat Orang Asal dan terpinggir. Ini termasuk eksploitasi ke atas ilmu, amalan dan hak mereka berkenaan budaya dan tanah.
- Hanya rakam nama, cerita dan istilah Orang Asal setelah mendapat izin. Fahami dinamik kuasa antara bahasa Inggeris, bahasa Malaysia (bahasa kebangsaan), bahasa daerah dan bahasa sukuan Orang Asal. Gunakan kaedah komunikasi yang sesuai budaya seperti tradisi lisan, alat bantu visual dan penceritaan di samping bahan bertulis.
- Dapatkan izin sebelum mengambil gambar atau video ahli komuniti dan sebelum memasuki rumah panjang, kampung air atau ruang komuniti. Pastikan gambar atau sebarang media yang terhasil adalah beretika dan tidak menjatuhkan maruah pihak yang digambar atau dirakam. Jika anda ingin menerbitkan atau menyampaikan apa-apa tentang komuniti tersebut di mana sahaja, pastikan naratif yang disampaikan tidak dilebih-lebihkan atau bersifat sensasi. Dapatkan bimbingan daripada komuniti tersebut tentang bagaimana mereka mahu kisah mereka disampaikan.
- Pastikan anda amat berhati-hati apabila anda mengambil gambar atau video kanak-kanak. Dapatkan izin langsung daripada kanak-kanak tersebut serta daripada penjaga



mereka. Terangkan di mana dan bagaimana foto atau video tersebut akan digunakan.

- Ramai ahli komuniti akan bercerita tentang pelancong asing yang menerjah masuk ke dalam rumah mereka untuk “melihat kehidupan mereka” dan bertanya soalan yang bermasalah seperti mengapa ahli komuniti memakai ‘pakaian moden’ dan menggunakan enjin pada perahu mereka. Ingat, masyarakat Orang Asal ialah masyarakat yang inovatif, bereksperimen dan sentiasa berkembang, sama seperti masyarakat anda sendiri.
- Sebahagian ahli komuniti mungkin mempunyai kecelikan huruf yang terhad dan tidak mempunyai kecelikan mahupun infrastruktur digital, manakala komuniti lain mempunyai telefon pintar dan tablet. Pertimbangkan bagaimana akses teknologi mampu membolehkan projek kerjasama, dokumentasi dan komunikasi dan sumber serta peralatan yang boleh anda sediakan.
- Banyak komuniti luar bandar telah belajar untuk mengelak risiko. Mereka mungkin tidak bersedia untuk meluangkan masa serta menggunakan sumber yang terhad untuk bereksperimen tanpa memahami manfaat jelas daripada sesebuah kerjasama terlebih dahulu. Sebagai contoh, ia memerlukan masa dan tenaga yang banyak untuk mengumpul dan memproses rotan. Ahli komuniti mungkin mempunyai pengalaman bekerja dengan pertubuhan pembangunan kraf sebelum ini dan telah menghasilkan produk baharu. Jika mereka telah mencuba untuk menjual produk tersebut dan gagal atau berasa bahawa mereka tidak menerima pulangan pelaburan yang sewajarnya, mereka mungkin berasa was-was untuk meluangkan masa dan tenaga untuk terlibat dalam pembangunan produk yang bersifat bereksperimen lagi. Adalah penting untuk memahami tren, akses ke pasaran serta kapasiti dalaman dan luaran bagi memastikan inisiatif kraf dan budaya tidak mewujudkan ketergantungan pada pihak luar. Pertimbangkan bagaimana aktiviti-aktiviti tersebut boleh menggalakkan kegiatan jangka panjang yang mandiri bagi komuniti-komuniti itu sendiri.
- Beri bayaran yang sewajarnya kepada kolaborator anda. Sediakan peruntukan bajet untuk orang tengah, penterjemah dan honorarium kepada ahli komuniti. Namun begitu, lakukan dengan berhati-hati supaya tidak mengekalkan dinamik



naungan atau menyebabkan penyertaan komuniti yang bergantung pada honorarium. Tekankan proses cipta sama dan kolaborasi dalam membangunkan projek supaya komuniti mempunyai rasa pemilikan bersama terhadap inisiatif tersebut dan penglibatan mereka, bukannya sekadar dibayar untuk menjadi sumber tenaga.

- Apabila anda mempertimbangkan bayaran kepada komuniti, renungkan:
 - Adakah individu tersebut menanggung kos peribadi untuk mengambil bahagian dalam projek/inisiatif/program anda? Contohnya, kos pengangkutan/bahan api, penggunaan sumber dan sebagainya. Jika ya, beri bayaran yang sewajarnya.
 - Adakah sebarang kemahiran/pengetahuan khusus diperlukan? Jika ya, beri insentif sambil menekankan pendekatan gotong-royong dalam projek tersebut.

RANGKA MASA KOMUNITI

- Adalah penting untuk mengutamakan jadual komuniti dan kewajiban pertanian serta budaya mereka dan bukannya projek anda atau tarikh akhir pembiayaan. Hal ini harus diakui semasa anda membangunkan projek anda. Kebanyakan masyarakat luar bandar amat bersifat mandiri. Oleh itu, mereka akan melakukan aktiviti pertanian dan penuaian tertentu sepanjang tahun. Pada waktu-waktu tertentu seperti pesta menuai pada bulan Mei-Jun di Malaysia Timur dan Januari di Semenanjung serta semasa pelbagai musim penanaman sepanjang tahun, ahli komuniti mungkin tidak tersedia untuk terlibat dalam program luar.
- Sesetengah bahan semula jadi juga hanya boleh dituai pada waktu-waktu tertentu, bergantung pada musim tengkujuh, kitaran bulan atau ketersediaan ahli komuniti. Kerja penyediaan dan pengeringan hasil tuaian juga bergantung pada cuaca. Anda disarankan untuk melakukan penyelidikan terperinci untuk mengenal pasti waktu-waktu yang paling sesuai untuk melibatkan komuniti sebelum anda menyediakan kertas cadangan dan memohon pembiayaan untuk projek anda.



- Malaysia adalah sebuah negara berbilang agama, jadi perhatikan tarikh dan perayaan agama serta kepercayaan dan amalan yang berkaitan. Sebagai contoh, komuniti mungkin tidak dapat mengambil bahagian dalam aktiviti jika terdapat kematian di kampung dan sebarang pantang larang adat mungkin perlu dihormati untuk suatu tempoh selepas kematian atau semasa ulang tahun kematian. Musim politik juga merupakan waktu yang sensitif di komuniti luar bandar serta di seluruh negara secara keseluruhannya.



Drowning (2024) oleh Shaq Koyok.
Akrilik atas kanvas, 92 cm x 92 cm.

Bahagian 3

PERSPEKTIF DARIPADA PERTUBUHAN BERASASKAN KOMUNITI DAN PENGGIAT KREATIF DI MALAYSIA

Koleksi pemikiran, pengalaman, idea dan nasihat daripada individu dan pertubuhan yang dijemput untuk menyemak buku panduan ini.





Walaupun ia wajar dan perlu untuk mengiktiraf kedudukan serta dinamik kuasa yang berbeza, berinteraksilah dengan komuniti seterbuka mungkin. Pastikan anda memahami erti membezakan dan mengasingkan; niat yang baik sekalipun mungkin akan ‘mengeksotikkan’ komuniti tempatan (terutamanya dari luar bandar) secara tidak sengaja. Konteks dan latar tempat pastinya berbeza. Walaupun rasa ingin tahu amat digalakkan, ingatlah bahawa komuniti juga mempunyai rasa ingin tahu terhadap anda seperti mana anda mempunyai rasa ingin tahu terhadap mereka dan mereka juga ingin belajar. Bersikap terbuka dan bersedia untuk terlibat dalam pertukaran yang membolehkan anda berkongsi tentang diri anda, budaya dan adat anda, dalam proses membina hubungan bersifat kesalingan.

Fiqah Roslan, Pereka Kandungan dan Pengalaman Pembelajaran, Forever Sabah

Orang yang dicadangkan oleh ketua kampung kadangkala tidak merangkumi semua aspek dalam komuniti. Pastikan sesi anda boleh diakses oleh semua. Sebagai contoh, golongan wanita mungkin memerlukan bantuan untuk menjaga anak agar mereka boleh menyumbang sepenuhnya dalam perbincangan. Kadangkala, golongan wanita ditugaskan untuk menyediakan makanan untuk tetamu dan sekali lagi tidak dapat mengambil bahagian dalam perbualan. Beberapa cara yang telah kami lakukan untuk menangani hal ini termasuk menyediakan aktiviti kanak-kanak supaya golongan wanita kurang terbeban untuk menjaga anak mereka. Kami juga boleh memaklumkan terlebih dahulu bahawa kami mahu golongan wanita untuk turut serta, supaya makanan boleh disediakan sebelum sesi atau diperoleh dari tempat lain, bergantung pada perbincangan anda dengan komuniti. Selain itu, ambil kira golongan yang kurang diwakili seperti migran, belia/kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan sebagainya. Budaya dan norma juga berbeza dari satu kampung ke kampung yang lain, jadi jangan beranggapan bahawa semua kampung mempunyai kepercayaan yang sama. Pastikan juga bahawa pakaian anda adalah sopan dan peka terhadap dinamik antara jantina. Mungkin ada lelaki yang lebih selesa untuk berbicara secara terbuka sesama lelaki dan wanita sesama wanita.

Anne Baltazar, Pengasas, Advocates for Non-Discrimination and Access to Knowledge (ANAK)



Malaysia bukannya sebuah negara peneroka dan mempunyai sejarah perdagangan maritim yang panjang dan telah membentuk sejarah dan kepelbagaian sosio-budaya yang luar biasa. Oleh itu, terdapat nuansa tertentu di sini yang mungkin kurang lazim terdapat di negara peneroka. Berhati-hati agar tidak mengekalkan dikotomi dan (kemungkinan) membayangkan kebaikan atau keburukan moral sebagai pihak luar, kerana hal ini mungkin berbeza bergantung pada konteks. Sebagai contoh, tidak semua amalan semestinya sepenuhnya bersifat kolonial atau bukan kolonial; banyak kali ia merupakan gabungan kedua-dua sifat ini. Apa yang dianggap ‘memudaratkan’ atau ‘tidak progresif’ pada hari ini (contohnya, bentuk kepimpinan autokratik) juga boleh/pernah wujud dalam kalangan masyarakat Orang Asal atas pelbagai sebab dan bahkan mungkin dikekalkan oleh sesetengah pemimpin Orang Asal sendiri. Spektrum penuh tingkah laku dan kecenderungan manusia wujud dalam kalangan masyarakat Orang Asal sebagaimana spektrum ini wujud dalam kalangan masyarakat bukan Orang Asal. Pendek kata, amalan baik yang digalakkan dalam panduan ini juga boleh digunakan untuk banyak komuniti bukan Orang Asal di seluruh dunia. Lagipun, amalan-amalan ini membentuk asas untuk saling menghormati dan membina hubungan berlandaskan rasa percaya sesama insan.

Sonia Luhong Wan, Kurator, Borneo Bengkel

Sikap rendah hati dan prihatin adalah dua nilai teras yang mesti sentiasa tertanam dalam minda, disertai sedikit humor. Untuk bekerja dengan orang lain, dengan komuniti, adalah untuk berfikir secara manusia, bukan secara skop kerja yang telah ditugaskan atau usaha yang ingin dicapai. Tinggalkan pemahaman anda tentang dunia dan bukannya minda anda. Hidup dalam dunia mereka, nikmati setiap detik; itulah saatnya anda akan memperoleh yang terbaik daripada apa yang dicari.

Adrian Jo Milang, Pengurus Komuniti, The Tuyang Initiative



Sebagai sebuah kolektif seni, kami berasa sangat bertuah kerana dapat berkolaborasi dengan masyarakat. Pada masa yang sama, kami menganggap diri kami bertuah kerana dapat belajar daripada mereka, memperoleh pemahaman tentang tradisi, budaya, kebijaksanaan tempatan dan isu-isu yang mereka hadapi—terutamanya di kawasan luar bandar. Melihat bagaimana mereka hidup secara berkolektif, menggunakan sumber-sumber tempatan sambil memelihara sumber-sumber ini, memperkukuh dan memberi inspirasi kepada kami sebagai sebuah kolektif seni.

Kami percaya bahawa seni yang baik ialah seni yang memberi manfaat kepada masyarakat dan membuka potensi lain yang tersembunyi. Di tempat-tempat seperti Kampung Keiyep dan Kampung Penulungan Ranau, kolektif kami bekerjasama dengan komuniti untuk menghasilkan karya seni. Hasilnya menyumbang kepada pembinaan pusat kraf di Kampung Keiyep dan projek mini hidroelektrik di Kampung Penulungan. Kami menggunakan seni sebagai pemangkin untuk memupuk dialog yang lebih serius secara serentak dan menyediakan peluang kepada agensi atau NGO yang berkeupayaan untuk memberikan bantuan.

Kini, kuasa elektrik telah sampai ke Kampung Keiyep melalui infrastruktur negeri Sabah dan universiti tempatan akan menyediakan bantuan hidro hibrid serta dinamo untuk Kampung Penulungan. Sebagai kolektif yang amat berpegang pada nilai ‘trusting the process’ (percaya pada proses), kami yakin orang lain boleh membuat sumbangan positif yang lebih baik daripada kami.

Adi HJ, Ahli Kolektif, Pangrok Sulap

Bergantung pada apa dan di mana seseorang atau sesuatu pertubuhan ingin menjalankan kerja mereka, kenal pasti dan berkomunikasi dengan pertubuhan tempatan yang telah lama berkhidmat di kawasan tersebut sebelum merangka sebarang strategi dan proses keterlibatan komuniti.

Claudia ‘Yoggie’ Lasimbang, Pelatih Pengorganisasi Komuniti, PACOS Trust



Salah satu kegagalan yang sering dihadapi oleh pihak luar dalam usaha mereka untuk mewujudkan penglibatan yang bermakna dengan komuniti Orang Asal—yang sudah memiliki sistem pemerintahan dan kalender eko-sosial mereka sendiri yang berfungsi—adalah ketidakupayaan pihak luar untuk bergerak seiring dengan komuniti tersebut. Pihak luar tergesa-gesa dalam usaha untuk mencapai matlamat akhir projek/ inisiatif mereka dan sering mengabaikan kepentingan untuk meluangkan masa berkualiti untuk membina kepercayaan, rasa hormat serta pemahaman tentang dinamik dan nuansa komuniti tersebut.

Penglibatan yang holistik dan bermakna dengan komuniti lebih bersifat membulat dan kukuh berbanding linear dan berurutan. Sebuah rundingan yang dijalankan sekali sahaja tidak bermaksud persetujuan, dan kebanyakan pandangan terpenting tidak diperolehi daripada mesyuarat formal tetapi di dapur ketika makanan disediakan, semasa padi ditanam atau dituai atau sambil bersantai di tepi sungai sambil menunggu perahu panjang untuk tiba.

Pihak luar yang benar-benar ingin melibatkan diri dengan komuniti mesti bersedia melaburkan masa dan bersikap terbuka terhadap cara komuniti menyampaikan maklumat, pandangan dan kerjasama dengan unik. Namun, jika kesuntukan masa, cuba selaraskan diri dengan pertubuhan atau entiti berasaskan komuniti yang telah terbukti berjaya dengan kebanyakan komuniti dan belajar daripada mereka. Kenal pasti titik masuk ke dalam komuniti dengan membuat peta terkini tentang pakatan semasa, pihak berkepentingan dan inisiatif yang telah berjaya. Keprihatinan yang mendalam akan banyak membantu dalam mendekati dan melibatkan orang dengan hormat.

**Celine Lim, Orang Asal Suku Kayan dan Pengarah Urusan
SAVE Rivers**



Bukan mudah untuk bekerjasama atau melibatkan komuniti. Sering kali apabila pertubuhan atau individu luar melibatkan diri dengan komuniti, tiada situasi sama menang yang berlaku. Manfaatnya hanya berpihak kepada satu pihak—contohnya pihak luar melalui pelaksanaan program CSR atau penyelidikan.

Salah satu proses yang patut diikuti oleh pihak luar ialah FPIC (Free, Prior, and Informed Consent / Izin Maklum Awal, Bebas dan Telus). Pihak luar perlu berhubung dan membina hubungan baik dengan ketua-ketua masyarakat (tidak semestinya Ketua Kampung atau Pengerusi Jawatankuasa Kampung). Koordinator kampung yang betul memainkan peranan penting dalam keterlibatan komuniti. Koordinator kampung ini seharusnya diberi ganjaran yang setimpal kerana mereka telah mengorbankan masa dan tenaga mereka untuk membantu, walaupun mereka sebenarnya boleh menggunakan masa dan tenaga tersebut untuk bekerja dan menjana pendapatan.

Pastikan program atau penglibatan yang dijalankan sesuai dengan keperluan dan objektif komuniti. Jangan laksanakan program atau penglibatan semata-mata berdasarkan KPI tanpa mengambil kira keperluan komuniti.

Semua data atau maklumat yang diperolehi daripada komuniti mesti dihubungkan semula kepada mereka dan pihak luar perlu memastikan bahawa komuniti membuat semakan semula sebelum sebarang penerbitan atau perkongsian dibuat.

Kekalkan hubungan jangka panjang dengan komuniti. Sentiasa lakukan susulan dengan komuniti untuk mengetahui situasi semasa mereka dan jika terdapat sebarang isu yang timbul. Jika kita tidak dapat membantu secara langsung, sekurang-kurangnya kita boleh menghubungkan komuniti dengan pihak yang tepat untuk menyelesaikan isu yang dihadapi.

Eliana a/p Tan Beng Hui, Orang Asli Suku Jakun, Ahli Kolektif, Apa Kata Wanita Orang Asli



Melibatkan komuniti merupakan perkara yang rapuh namun penuh dengan pembelajaran. Apabila memasuki sesebuah komuniti, dekatilah dengan minda yang bersedia untuk belajar, rasa hormat dan sikap rendah diri. Ketika berada di lapangan, amalkan sikap ingin tahu dan tanyakan soalan, luaskan pemerhatian dan sediakan analisis yang adil serta kritikal. Melibatkan diri dalam perbincangan dengan pelbagai pihak akan memperkayakan perspektif dunia anda. Mendekati pertubuhan tempatan dan pertubuhan berasaskan komuniti adalah satu kelebihan kerana merekalah yang berada di lapangan untuk memperjuangkan hak dan bekerjasama dengan komuniti masing-masing.

Sebagai sebuah pertubuhan yang telah tinggal di kalangan komuniti terpinggir di pantai timur Sabah sejak tahun 2015, banyak perjuangan mereka telah membuat kami sedar bahawa kita tidak mampu mengubah segalanya. Adalah penting untuk dipercayai proses, perubahan punca masalah dan pendidikan jangka panjang.

Wan Shakila, Pengurus, Borneo Komrad

Adalah penting untuk ingat bahawa penghormatan yang diberi oleh komuniti kepada seseorang sebagai tetamu atau individu yang telah bekerja dengan mereka (contohnya, dalam bentuk nama adat) membawa makna hubungan dan harapan yang mendalam. Seseorang akan dianggap hampir sama seperti ahli keluarga dan diharapkan untuk hadir sebagai sebahagian daripada komuniti semasa detik-detik yang mencabar, bukan hanya semasa detik-detik kesenangan, seperti semasa penyelidikan dijalankan. Oleh itu, jangan anggapkan penghormatan ini sebagai pengalaman untuk dibanggakan semata-mata. Mainkan peranan yang aktif sebagai ahli kehormat komuniti tersebut.

Juvita Tatan Wan, Pengasas Bersama, The Tuyang Initiative



Penyelidik perlu sedar bahawa banyak komuniti Orang Asal, khususnya di Semenanjung Malaysia, cenderung untuk tidak berkonfrontasi. Ini disebabkan nilai-nilai budaya yang begitu tertanam dan pengalaman sejarah. Banyak komuniti Orang Asal selalunya mengutamakan keharmonian, pembinaan sepersetujuan dan pemeliharaan hubungan sesama mereka serta dengan pihak luar. Oleh itu, mereka mungkin enggan menyuarakan aduan mereka secara langsung, terutamanya di hadapan para pelawat atau penyelidik kerana takut untuk menyebabkan konflik yang tidak perlu atau menyinggung perasaan orang lain. Ini akan menyebabkan kesalahfahaman, kerana pihak luar mungkin akan menyalah tafsir bahawa tiadanya aduan bermaksud tiadanya masalah atau keperluan.

Namun begitu, adalah penting untuk kita mengiktiraf bahawa wujudnya isu dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat Orang Asal tetapi perkara-perkara ini sering ditangani dengan cara yang mengutamakan kesepaduan komuniti dan norma budaya mereka. Salah satu isu yang penting ialah penyalahgunaan dan eksploitasi budaya yang merupakan kebimbangan besar, bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Eksploitasi ini boleh mengekalkan stereotaip, meminggirkan suara Orang Asal dan mengakibatkan ketidaksamaan.

Menangani isu ini memerlukan usaha kolektif daripada banyak komuniti untuk menghormati hak Orang Asal, menggalakkan dialog dan kerjasama yang ikhlas serta memastikan sebarang penglibatan dengan komuniti Orang Asal adalah berdasarkan prinsip kesaksamaan, izin, rasa hormat dan manfaat bersama. Pihak luar, termasuk penyelidik, syarikat dan masyarakat secara amnya, perlu melibatkan komuniti Orang Asal dengan cara yang hormat dan peka budaya, sambil mengiktiraf tindakan, pengetahuan dan hak mereka untuk menentukan nasib sendiri.

Shaq Koyok, Suku Temuan, Aktivis Seni Orang Asli



Kita boleh bermula dengan anggapan bahawa 1) kita adalah sebahagian daripada sistem kapitalisme yang mempunyai ciri semula jadi untuk mengambil, mempergunakan dan mengkomodifikasikan, 2) penentuan nilai adalah berdasarkan sistem ini yang secara automatik merendahkan kualiti tidak ketara, contohnya ilmu ekologi tradisional yang disampaikan secara lisan dan tidak dianggap ‘sah’ oleh penyelidikan dan dokumentasi kuantitatif, 3) ‘jiwa terjajah’ membawa kesan yang melihat/menganggap/memprojeksikan keunggulan bangsa kulit putih (atau kebaratan) dan merendahkan bangsa kulit hitam/perang, iaitu terdapat sikap tunduk secara automatik kerana hal ini terdapat dalam unsur epigenetik kolektif/individu dan 4) kesopanan, pembaikan politik dan sikap berhati-hati yang berlebihan berkenaan dinamik ini akan membuat kita terperangkap dalam perkara ini.

Langkah-langkah yang ikhlas, autentik dan lembut yang mengambil risiko dan mendekati ketidakselesaian untuk merapatkan jurang, menyentuh kesakitan atau luka, adalah apa yang diperlukan untuk sekurang-kurangnya membolehkan perubahan. “Akui pertalian dengan saudara yang jahat” (“Claim bad kin”)—bahawa leluhur kita terlibat dan kita telah mewarisi hasil daripada tindakan mereka, malah mungkin juga terus mengekalkan hasil tersebut. Terapkan nilai kemanusiaan dalam proses dan penglibatan untuk mencairkan dan mendedahkan manusia yang rapuh.

Rasa malu dan bersalah ialah titik permulaan yang berbahaya dan disfungsi; jika kita menamakan sesuatu hal dan merenungkan hal itu, apakah yang mungkin kita temui? Bolehkah kita bercakap tentang perkara itu? Bolehkah kita mendedahkan, membaiki dan memperbaharui bersama? Bagaimanakah rupanya? Bagaimanakah ini boleh membentuk masa depan yang berbeza; bolehkah seni merasakan dan menyandar ke arah masa depan itu?

Cynthia Ong, Chief Executive Facilitator (CHEF) / Ketua Fasilitator Eksekutif, Forever Sabah



Kebanyakan kajian dan amalan pemuliharaan hidupan liar yang ada bergantung pada tatanama Eropah-Barat yang merupakan warisan zaman empayar. Walaupun perkara ini memang tampak neutral, amalan penamaan (semula) alam semula jadi bergantung pada anggapan politik, falsafah dan sosial yang mencerminkan tingkah laku serta tadbir urus atas-bawah dalam amalan pemuliharaan. Proses masyarakat Orang Asal untuk mengklasifikasikan alam semula jadi tidak diiktiraf sebagai sah dan dengan itu, strategi pemuliharaan mereka sering diabaikan. Apabila pengetahuan Orang Asal diambil kira dalam pemuliharaan kontemporari, ia sering dilakukan melalui paradigma yang tertumpu pada pengetahuan ekologi-saintifik dan bukannya hubungan kompleks antara spesies yang dimiliki oleh masyarakat Orang Asal dengan alam semula jadi. Akibatnya, masyarakat Orang Asal sering dianggap sebagai halangan atau masalah untuk pemuliharaan kerana mereka ditanggap tidak memberi perhatian kepada spesies yang dipentingkan dalam pemuliharaan.

Penamaan (semula) alam semula jadi merupakan sebahagian daripada proses besar untuk menjinakkan/menundukkan alam semula jadi yang menghapuskan dan menggantikan pengetahuan Orang Asal dengan pengetahuan Barat yang bertindak balas kepada fantasi bangsa kulit putih untuk menemukan alam semula jadi. Dengan itu, penghasilan pengetahuan dalam sains pemuliharaan melibatkan kekerasan epistemik... Jika pengetahuan Orang Asal (atau TEK: traditional ecological knowledge/pengetahuan ekologi tradisional) diiktiraf dalam pemuliharaan kontemporari, ia sering dilakukan melalui paradigma yang terlalu mengagungkan pengetahuan Orang Asal dan mengharapkan masyarakat Orang Asal untuk kekal sama dari masa ke masa walaupun landskap berubah akibat tekanan sosio-ekonomi ke atas tanah tradisional.

June Rubis, Pakar Pemuliharaan Alam Sekitar, Konsortium ICCA



Identiti yang paling penting bagi masyarakat Orang Asal, terutamanya masyarakat Dayak, ialah Adat. Ia tidak memadai untuk menganggap Adat sebagai undang-undang, amalan budaya atau tradisi masyarakat Orang Asal semata-mata. Adat merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka. Malah, ia merupakan sistem kehidupan mereka dengan menjalankan hidup bersama dan dalam Adat sejak zaman dahulu kala. Seperti demokrasi, Adat Orang Asal mempunyai tiga komponen penting, iaitu komponen manusia, komponen agama dan komponen undang-undang. Secara perbandingan, komponen manusia adalah bagaikan kuasa eksekutif, komponen agama adalah bagaikan kuasa legislatif dan komponen undang-undang adalah bagaikan kuasa kehakiman dalam sistem demokrasi.

Apabila seseorang mendekati komuniti Orang Asal, orang itu haruslah mempunyai pengetahuan awal mengenai ketiga-tiga komponen dalam Adat. Ini akan memudahkan kolaborasi dengan komuniti tersebut dan membantu mereka mempercayai pihak yang berurusan dengan mereka, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, ia juga wajar untuk memahami 'Tujuan' Adat. Dalam semua buku Adat yang diterbitkan oleh Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) sejak tahun 1994, telah ditulis bahawa: "Tujuan utama Adat/Adet dalam masyarakat Orang Asal (Iban, Bidayuh dan Orang Ulu) adalah untuk mengekalkan hubungan harmoni antara ahli komuniti dan menjaga kesejahteraan fizikal serta spiritual komuniti rumah panjang." Perilaku yang sesuai dengan Adet memastikan bahawa komuniti berada dalam 'keadaan yang seimbang'—antara individu dengan individu lain serta antara komuniti dengan persekitaran fizikal dan spiritual. Pelanggaran Adet mengancam hubungan individu, kesejahteraan spiritual seperti kesihatan masyarakat dan kemakmuran material seluruh komuniti. Untuk memulihkan keadaan yang seimbang, pihak yang teraniaya harus diberikan ganti rugi dan pihak yang bersalah harus dibawa ke muka keadilan. Jika perlu, pihak yang bersalah harus segera melaksanakan ritual penyucian. Untuk mengekalkan kehidupan komuniti yang harmoni dan kesejahteraan fizikal serta spiritual komuniti tersebut, Adet mesti dipatuhi dengan tegas.

Dalam mana-mana program jangkauan, adalah sangat penting untuk memahami tiga elemen dalam Adat, yang juga merujuk kepada tiga jenis kesalahan atau pelanggaran yang boleh



dilakukan terhadap Adat. Kesalahan pertama adalah terhadap komuniti, kesalahan kedua adalah terhadap diri sendiri sebagai individu dan kesalahan ketiga adalah terhadap alam sekitar di sekeliling anda.

Michael Mering Jok, Setiausaha Agung, Society for Rights of Indigenous People of Sarawak (SCRIPS)



Baya (2018) oleh Sonia Luhong Wan.
Pirografi dan daun emas atas papan lapis, 30 cm x 30 cm.


Bahagian 4

KERJA DAN PENDEKATAN PERTUBUHAN BERASASKAN KOMUNITI DAN PENGGIAT KREATIF DI MALAYSIA

Bahagian ini menyorot kerja rakan-rakan sejawat kami yang telah menyemak buku panduan ini, iaitu pertubuhan dan penggiat kreatif yang bekerja bersama masyarakat di Malaysia Timur dan Semenanjung. Aktiviti dan usaha mereka mencontohi bagaimana prinsip-prinsip dalam panduan ini disampaikan dalam tindakan mereka—iaitu pendekatan yang bersifat kolaboratif, cipta sama dan bertimbang rasa yang bukan sahaja memastikan rasa hormat dan integriti diterapkan untuk semua pihak yang terlibat, tetapi juga mengakui pengalaman dan cabaran unik yang dihadapi oleh individu dan masyarakat di Malaysia.

Projek-projek yang dinyatakan dimulakan dan dipacu secara bebas oleh pertubuhan-pertubuhan ini, dan mencerminkan dedikasi serta usaha mereka. Projek-projek tersebut tidak semestinya berafiliasi dengan atau dibiayai oleh British Council.

Nota: Biografi dan keterangan yang dibekalkan mengandungi campuran kata ganti nama diri pertama dan ketiga. Kami telah memutuskan untuk mengekalkan pilihan ini.





Advocates for Non-Discrimination and Access to Knowledge (ANAK)



ANAK (Advocates for Non-discrimination and Access to Knowledge) percaya bahawa setiap kanak-kanak, tidak mengira latar belakang atau status, berhak mendapat perlindungan hak asasi. Bertempat di Sabah, ANAK merupakan sebuah pertubuhan akar umbi yang bermatlamat untuk melindungi hak kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, tanpa dokumen dan migran yang terpinggir. ANAK telah bekerjasama dengan pelbagai agensi PBB, NGO antarabangsa dan komuniti untuk menyediakan: bantuan dan nasihat paralegal berkenaan pendaftaran sivil serta advokasi untuk isu-isu tanpa kewarganegaraan, migrasi dan tanpa dokumentasi, kempen komunikasi mengenai kesihatan dan hak asasi manusia bagi komuniti bukan warganegara dan penyelidikan tentang pengetahuan, sikap dan tingkah laku dalam bidang kerja.

Anne Baltazar merupakan pengasas ANAK dan memiliki pengalaman dalam bidang hak asasi manusia serta kerja yang tidak berasaskan keuntungan selama 15 tahun. Beliau komited untuk melakukan penyelidikan dan menyampaikan hasil penemuannya untuk menyokong perubahan dasar. Bidang penyelidikannya termasuk tanpa kewarganegaraan, dokumentasi identiti legal dan migrasi, khususnya dalam kalangan wanita dan kanak-kanak.





Muka surat sebelumnya: Konsultasi dokumentasi identiti bersama komuniti Orang Asal. **1:** Misi bantuan makanan semasa pandemik. **2:** Pengurusan kes. **3:** Forum mengenai pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan isu kewarganegaraan.




Apa Kata Wanita Orang Asli (AKWOA)



Apa Kata Wanita Orang Asli (AKWOA) merupakan satu kolektif belia wanita Orang Asli yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan negeri-negeri dalam Semenanjung Malaysia. Visi AKWOA adalah untuk mengetengahkan identiti dan isu-isu masyarakat Orang Asli seperti isu pendidikan, alam sekitar, representasi dalam media, perspektif gender dan hak Orang Asli dengan menggunakan platform media. Kolektif ini aktif sejak tahun 2018, di mana belia wanita Orang Asli telah didedahkan dengan pengetahuan tentang hak asasi manusia, hak wanita dan hak Orang Asli.

Kolektif ini telah dibimbing oleh Freedom Film Network (FFN), Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia (JKOASM) dan EMPOWER. Mereka lalu menghasilkan sebuah buku berjudul *Kami Pun Ada Hak Bersekolah* yang menceritakan tentang cabaran-cabaran belia wanita Orang Asli dalam mendapatkan akses pendidikan yang berkualiti. Pada tahun 2020, mereka mula menghasilkan filem pendek iaitu *Selai Kayu Yek: The Roots of My Land* (2020), *Klinik Ku Hutan: The Forest, My Clinic* (2021), *Rahsia Rimba: The Secret Guardian of Forest* (2022) dan *Semangat Tinak: The Warrior Spirit of Tinak* (2024).

AKWOA juga menyediakan latihan dan bengkel kepada belia-belia wanita Orang Asli dalam bidang penciptaan kandungan video dan hak asasi untuk mereka gunakan sebagai alat untuk menyampaikan isu-isu dan identiti masyarakat Orang Asli.



Filem pendek dan animasi yang dihasilkan oleh AKWOA yang menceritakan perjuangan komuniti Orang Asli untuk mempertahankan tanah mereka daripada pencerobohan dan mencari kekuatan daripada warisan serta kepercayaan leluhur mereka.



Borneo Bengkel

Borneo Bengkel



Diasaskan pada tahun 2017, Borneo Bengkel merupakan sebuah platform yang bermatlamat untuk mengangkat komuniti-komuniti penggiat kreatif dari seluruh kepulauan Borneo. Melalui pendekatan seni dan budaya, Borneo Bengkel bekerjasama dengan penggiat kreatif daripada pelbagai disiplin dan penyelidik serta pekerja komuniti sambil menyediakan peluang untuk menjalin hubungan dan kerjasama yang lebih organik dan mampan.

Melalui kolaborasi dari seluruh Borneo—Sarawak, Sabah, Kalimantan dan Brunei—kami telah menganjurkan, mengkurasikan dan memudahkan program residensi, pameran, bengkel dan sesi dialog. Aktiviti-aktiviti ini direka untuk membolehkan pertemuan, perkongsian ilmu, dan pembinaan komuniti dalam kalangan pengamal budaya dari seluruh Borneo. Dengan mewujudkan hubungan ini, kami berharap dapat membina jambatan yang merentasi sempadan, bahasa, dan pengalaman. Istilah ‘Bengkel’ merujuk kepada tumpuan Borneo Bengkel terhadap pertukaran ilmu, persefahaman dan kolaborasi.

Sonia Luhong Wan merupakan kurator bersama untuk Borneo Bengkel dan membawa pengalamannya sebagai artis, pereka bentuk dan penyelidik kepada platform ini. Beliau komited untuk mencipta ruang yang inklusif, bersilang dan menyediakan sokongan untuk saudara-saudara sesama Borneo.





Muka surat sebelumnya: Aktiviti *Making Noise* di pameran *Borneo Heart* oleh Yee I-lann di Godown, Kuala Lumpur, Februari 2023. **1:** Karya seni yang dipamerkan di *DALAM*, sebuah pameran kurasi bersama oleh Catama dan Borneo Bengkel di Think & Tink, Kuching, Disember 2022. **2:** Bekerjasama dengan ahli komuniti Kampung Nyegol, Sarawak, sebagai sebahagian daripada lawatan delegasi Human-Nature, Februari 2022. **3:** Para kolaborator dari Residensi Kreatif Borneo Bengkel: *People of the Land* di HAUS KCH, Sarawak, Oktober 2018.



Borneo Komrad



Borneo Komrad adalah sebuah kolektif yang memperjuang keadilan alam sekitar dan manusia melalui pendidikan pembebasan yang berasaskan peluang dan kasih sayang. Terlahir dari gerakan mahasiswa, fokus Borneo Komrad adalah pendidikan untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan melalui penubuhan Sekolah Alternatif. Tujuan utama pendidikan alternatif adalah untuk meningkatkan literasi, menyediakan ruang selamat dan menceraikan potensi diri pelajar-pelajar. Pendidikan tidak hanya wujud dalam akademik, tetapi juga dalam kemahiran hidup mengikut lokaliti dan keperluan komuniti.

Borneo Komrad bertapak di daerah masyarat adat laut iaitu Semporna, Tawau dan Kota Kinabalu. Seni dan sastera selalu digunakan sebagai alat menyampaikan mesej-mesej advokasi. Sebagai kolektif yang percaya pada ekonomi mandiri, Borneo Komrad menghasilkan produk-produk yang berasaskan D.I.Y. seperti *tote bag*, minuman herba dari kebun dan plastik yang dikitar semula.

Menjelang 10 tahun pada 2025, pertubuhan ini berharap untuk terus mengukuhkan gerakan rakyat yang mandiri dan mengakar dalam masyarakat kelas bawah. Dengan komitmen yang teguh, Borneo Komrad bertekad untuk kekal konsisten dalam memperjuang keadilan sosial melalui pendidikan manusiawi dan merdeka.





Muka surat sebelumnya: Dengan komuniti laut Orang Asal di Teluk Layan, Kota Kinabalu. **1.** Hari pelancaran Universiti Alternatif untuk belia tanpa kewarganegaraan di Semporna, Sabah. **2.** Aktivis menyesuaikan diri dengan isu air bersama komuniti. **3.** Belia tanpa kewarganegaraan mempelajari kemahiran menjahit untuk menghasilkan produk.



Forever Sabah



Forever Sabah merupakan sebuah program selama 25 tahun yang bermatlamat untuk membantu menggerakkan Sabah ke arah ekonomi kitaran yang lebih adil dan pelbagai. Kami menggambarkan pasukan, projek dan rakan kongsi kami yang saling berhubung sebagai sebuah ekologi: sebuah jaringan hubungan dan organisme hidup yang berusaha untuk menganyam semula visi Sabah untuk masa depan. Usaha kami mengetengahkan masyarakat, pertubuhan dan gerakan sambil kami mengendalikan realiti-realiti yang kompleks dan bertanya: bagaimanakah kita membentuk pendamaian yang bermakna antara makhluk, tempat dan Alam?

Kerja yang kami lakukan menjangkau empat bidang utama: Hutan, Air & Tanah; Mata Pencarian, Pelancongan & Perusahaan; Tenaga, Infrastruktur & Sisa; serta Makanan, Pertanian & Perikanan dengan inisiatif-inisiatif yang merangkumi pelbagai peringkat, baik hiperlokal, serantau, mahupun global. Kami juga berhasrat untuk memasukkan Budaya & Seni sebagai bidang utama yang kelima, selaras dengan penglibatan kami dalam program Human-Nature British Council dan pendekatan untuk bekerjasama dengan pengamal kreatif, seni dan media.





Muka surat sebelumnya: Foto kumpulan bengkel penceritaan.

1: Mempelajari cara membuat *bubuh* (perangkap ikan tradisional) dengan komuniti Kampung Dagat. **2:** Komuniti kampung sekitar Empangan Babagon membina semula mata pencarian mereka melalui agroforestri, memulihkan kesejahteraan dan kedaulatan makanan. **3:** Komuniti Forever Segama memulihkan zon penampungan sungai dengan penanaman pokok secara mampan.



June Rubis



June Rubis merupakan seorang cendekiawan, pemikir dekolonisasi dan penyokong pemuliharaan berketurunan Orang Asal yang menetap di Sarawak, Borneo serta mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam neksus pemuliharaan biodiversiti, perubahan iklim dan sistem pengetahuan Orang Asal. Beliau memiliki PhD dalam bidang Geografi Alam Sekitar daripada University of Oxford, dengan tumpuan terhadap proses penyahjajahan pemuliharaan orang utan di Sarawak. June juga telah menghabiskan program pasca doktoralnya di Sydney Environment Institute, University of Sydney dan baru-baru ini beliau dianugerahkan Macquarie University Research Fellowship untuk mengetuai kajian penyahjajahan kartografi di Asia Tenggara.


Sejak tahun 2020, June merupakan Pengerusi Bersama Majlis Global bagi Documenting Territories of Life di Konsortium Global ICCA (Indigenous and Community Conserved Areas) dan terlibat secara aktif sebagai wakil majlis serantau bagi Asia Tenggara. Beliau turut mengasaskan Building Initiatives in Indigenous Heritage (BiiH), yang menyokong kerja menggiatkan semula ritual dan protokol budaya di tanah airnya di Bau, Sarawak, Kalimantan Barat dan selainnya.





Gambar-gambar ini diambil di Sebuji, Kalimantan Barat untuk perayaan Gawea Nyobang, bersama mendiang bapa saya. Kami telah menyokong pemulihan ritual *gawea* ini sejak akhir 1990-an/awal 2000-an, sambil bapa saya menjalani latihan sebagai Pawang sebelum kematiannya yang tidak terjangka.

Sebagai contoh, kami telah mendapatkan dana daripada UNDP untuk membina semula *baruk* di kampung datuk saya, Kampung Gumbang dan juga kampung-kampung lain serta menyokong aktiviti ekopelancongan (ini merupakan usaha keluarga saya dan juga melalui BIIH—yang telah dimulakan oleh keluarga saya).



PACOS Trust



PACOS Trust merupakan sebuah pertubuhan berasaskan komuniti yang mendukung masyarakat Orang Asal di Sabah. PACOS, singkatan untuk Partners of Community Organisations in Sabah, telah aktif menjalankan projek bersama masyarakat sejak tahun 1987.

Claudia Lasimbang, lebih mesra dikenali sebagai Inai Yoggie, menyertai PACOS pada tahun 1993. Pada masa itu, kerja komuniti oleh NGO tidak begitu popular. Semasa tempoh permulaan ini, beliau memulakan kerjanya dengan wanita Orang Asal luar bandar melalui inisiatif-inisiatif penjana pendapatan dan pemerksaan. Sejak itu, strategi penglibatan komuniti ini telah berkembang menjadi Program Sosioekonomi PACOS Trust.

Kini, beliau terus melatih khususnya wanita dan belia Orang Asal melalui Program Latihan Pengorganisasian Komuniti dan projek-projek komuniti yang dilaksanakan oleh PACOS Trust. Beliau juga aktif berkongsi ilmunya dengan pertubuhan-pertubuhan tempatan, nasional dan serantau yang lain.



Yoggie memudahcara sebuah bengkel komuniti di Karamuak, Tongod, Sabah.



Pangrok Sulap



Pangrok Sulap merupakan sebuah kolektif seni yang ditubuhkan pada tahun 2010 di Ranau, Sabah. Kolektif ini terdiri daripada ahli daripada pelbagai disiplin iaitu seniman, kurator, penulis, penyelidik, aktivis, ahli muzik, pereka bentuk grafik, pengusaha, pembuat kraf dan ramai lagi. Kepelbagaian ini memperkayakan disiplin kolektif dan ini menjadikan kolektif lebih dinamik. Selari dengan misi kolektif untuk memperkuat masyarakat melalui seni, mereka telah menganjurkan pameran seni, projek dan kolaborasi dengan pelbagai komuniti untuk pembangunan sosial, budaya, ekonomi dan pendidikan. Sejak tahun 2013, Pangrok Sulap telah menyertai pelbagai pameran seni pada peringkat tempatan dan global. Di samping itu mereka terlibat aktif dalam banyak projek komuniti, forum, bengkel dan kajian seni. Beberapa buah karya kolektif ini kini disimpan dalam koleksi muzium dan galeri seperti Mori Art Museum (Jepun), Singapore Art Museum (Singapura) dan Queensland Art Gallery (Australia).





Muka surat sebelumnya: Taklimat pagi bersama penduduk Kampung Penulangun, Ranau. **1:** Pembuatan karya seni *Cahaya Kehidupan* di Kampung Penulangun. **2:** Persembahan percetakan karya seni *Cahaya Kehidupan* bersama penduduk Kampung Penulangun. **3:** Penduduk Kampung Penulangun memasang paip untuk mini hidro bersama sukarelawan.



SAVE Rivers



SAVE Rivers menyokong dan memperkasakan komuniti-komuniti Orang Asal untuk melindungi tanah, sungai dan kawasan tadahan air mereka melalui pembinaan kapasiti, perangkaan, penyelidikan, pendidikan dan advokasi. Sejak tahun 2011, kami telah meningkatkan kesedaran terhadap hak alam sekitar dan hak Orang Asal serta penyelesaian bagi pembangunan mampan. Kami percaya bahawa pembangunan boleh dicapai tanpa pemusnahan mata pencarian atau sungai dan hutan. Bertempat di Sarawak, SAVE Rivers komited untuk meneruskan tanggungjawab kami sebagai sebuah Pertubuhan Masyarakat Sivill untuk menyebarkan maklumat dan menjalankan advokasi untuk hak Orang Asal dan hak alam sekitar.

Berketurunan Kayan dari Baram, Sarawak, Celine Lim merupakan Pengarah Urusan SAVE Rivers. Hak Orang Asal dan alam sekitar merupakan isu-isu yang dekat di hatinya kerana beliau telah melihat sendiri bagaimana masyarakat Orang Asal dipaksa berubah usulan dari tekanan-tekanan dari luar, justeru menjejaskan alam sekitar, komuniti dan budaya mereka. Ini telah mendorong kerjanya di dan melalui SAVE Rivers, khususnya bagaimana Orang Asal sebagai Penjaga Hutan Terbaik di Dunia melayakkan mereka sebagai pakar dan pemimpin dalam usaha mencari penyelesaian kepada krisis perubahan iklim kita.





Muka surat sebelumnya: Ahli-ahli komuniti dari Ulu Baram menyertai salah satu latihan agroforestri SAVE Rivers. **2.** Wanita-wanita Orang Asal kami yang kuat menunjukkan sokongan apabila SAVE Rivers disaman dengan SLAPP. **3.** Salah satu daripada banyak bengkel pembangunan kapasiti yang diketuai oleh wanita. **4.** Kempen *Clean Up Tropical Timber* bersama rakan-rakan sekutu kami dari UK.



Society for Rights of Indigenous People of Sarawak (SCRIPS)



Society for Rights of Indigenous People of Sarawak atau SCRIPS adalah sebuah pertubuhan berasaskan komuniti yang diasaskan pada tahun 2008 oleh sekumpulan individu Orang Asal yang menyedari perlunya untuk bekerja secara berkolektif bagi melindungi dan mempertahankan hak-hak Orang Asal di Sarawak, Malaysia.

Visi dan misi pertubuhan ini adalah agar Orang Asal Sarawak diperkasakan dengan keupayaan untuk mengambil bahagian dalam aspek tadbir urus dan pembuatan keputusan yang menjamin penentuan nasib sendiri dan untuk mencapai matlamat pembangunan mampan untuk kualiti hidup tanpa kemiskinan, rasa hormat untuk identiti budaya mereka, hak asasi manusia dan pemuliharaan sumber semula jadi mereka.

Michael Mering Jok ialah pengasas SCRIPS dan Akademi Adat yang memberi tumpuan untuk memastikan pewarisan pengetahuan dan amalan Orang Asal daripada generasi kepada generasi melalui sistem pembelajaran, falsafah dan kaedah tradisional. SCRIPS dan Akademi Adat memudahkan latihan kepimpinan untuk golongan lelaki, wanita dan belia serta menjalankan bengkel tentang hak rakyat dan budaya, pemetaan komuniti dan dokumentasi sejarah lisan.





Pelbagai aktiviti oleh SCRIPS yang merangkumi Latihan Kepimpinan Orang Asal, Dokumentasi Sejarah Lisan berserta Pemetaan Komuniti, Program Akademi Adat dan Pertanian Lestari.



Shaq Koyok



Shaq Koyok, seorang seniman kontemporari dan aktivis beranugerah daripada suku Orang Asli Temuan di Banting, negeri Selangor, terkenal dengan penggabungan seni dan aktivisme kepada sebuah hibrid yang indah. Setelah menamatkan pengajian pada tahun 2009, beliau telah mempamerkan karya-karyanya di Malaysia serta galeri-galeri antarabangsa.

Antara kenangan termanis beliau adalah memancing di paya gambut dan memburu haiwan kecil di hutan. Di bangku sekolah rendah, beliau terjebak dengan seni, sebuah minat yang membentuk jalan hidup beliau. Semasa beliau masih sangat muda, pemaju tanah telah menceroboh hutan di sekeliling kampungnya dan hal ini kini dicerminkan dalam banyak karyanya. Trauma pada zaman kanak-kanaknya telah mencetuskan semangatnya dan mendorong beliau untuk berjuang mempertahankan hak tanah bangsanya. Beliau sudah sekian lama terlibat dalam tunjuk perasaan bersama dengan para aktivis lain untuk menuntut hak yang sama bagi masyarakat Orang Asli.

Tambahan lagi, melalui seni, beliau kerap meluahkan nasib masyarakat Orang Asal di seluruh Malaysia dengan coretan berusnya yang menonjol. Karya-karya beliau menggambarkan potret Orang Asli sehari-hari yang indah, bersama kisah-kisah hebat yang terpaut kuat pada kanvas yang menjadi medan lukisannya.





Muka surat sebelumnya: Lukisan mural di Hospital Orang Asli Gombak, Selangor. **2.** Sesi perkongsian di COP28, Dubai. **3.** Bengkel seni di Kampung Semai, Perak. **4.** Demonstrasi di Hutan Komuniti Shah Alam, Shah Alam, Selangor.



Tuyang

The Tuyang Initiative



The Tuyang Initiative merupakan sebuah syarikat pengurusan seni yang bertempat di Miri, Sarawak, wilayah Malaysia di Borneo. Dengan tumpuan terhadap warisan budaya Orang Asal Borneo, pertubuhan ini bekerjasama rapat dengan penjaga-penjaga budaya dan menyediakan pengalaman industri agar mereka dapat menyumbang secara berkolektif kepada kesinambungan budaya.

Sebagai sebuah perusahaan sosial, The Tuyang Initiative berdedikasi untuk memastikan agar penjaga-penjaga ini mempunyai akses kepada peluang pendapatan yang bermakna melalui bidang seni. Pada masa yang sama, pertubuhan ini juga berusaha untuk mengamalkan dan mempromosikan budaya Orang Asal Borneo, sekaligus membantu dalam memperturunkan warisan budaya kepada generasi akan datang. Sejak ditubuhkan pada tahun 2017, pertubuhan ini telah komited untuk mengusahakan perwakilan masyarakat Orang Asal secara adil dan telus, didorong oleh rasa tanggungjawab dan bangga terhadap usaha ini.


Juvita Tatan Wan ialah pengasas bersama The Tuyang Initiative. Beliau berketurunan Kenyah dari Long San, Sarawak. Adrian Jo Milang ialah Pengurus Komuniti untuk The Tuyang Initiative dan merupakan salah seorang pengamal termuda tradisi lisan masyarakat Kayan, iaitu *parap* dan *takna*'. Beliau berasal dari Tubau, Sarawak.





Muka surat sebelumnya: Tayangan filem bersama Mekat Film di studio dan galeri alter/space, 2024. **2.** Kelas *kancet* bersama Rose Belare di studio dan galeri alter/space, 2024. **3.** Persembahan *Mepaan* yang menampilkan Mathew Ngau Jau dan Adrian Jo Milang, Singapore International Festival of Arts, 2022. **4.** Persembahan *Kelunan* di Damansara Performing Arts Centre, Kuala Lumpur, 2019.

Kata-Kata Penutup





KATA-KATA PENUTUP DARIPADA FLORENCE LAMBERT, KETUA INDUSTRI SENI DAN KREATIF, BRITISH COUNCIL MALAYSIA

Setiap individu di planet ini memberi impak kepada persekitarannya. Namun, tidak semua manusia mempunyai hubungan yang sama dengan persekitaran mereka. Memahami interaksi, pendekatan dan amalan yang berlainan, perbezaan dan persamaan budaya kita, merupakan kunci untuk membayangkan semula naratif baharu dan membangunkan penyelesaian penyesuaian. Terdapat banyak penulisan mengenai perubahan iklim dan strategi penyesuaian iklim. Kebanyakan jawapan dicari melalui sains, penyelidikan dan teknologi. Sebaliknya, hak budaya dan warisan, serta komuniti-komuniti yang terlibat, berada di barisan hadapan perubahan iklim. Walaupun komuniti dan warisan budaya terjejas oleh perubahan iklim, perkara-perkara ini juga boleh menjadi sebahagian daripada strategi penyesuaian. Budaya dan warisan mendorong dan memungkinkan pembangunan mampan.

Untuk meneroka hubungan antara budaya dan iklim, pasukan Seni British Council Malaysia telah membangunkan program seni Human-Nature, sebuah program seni selama 3 tahun yang akan membolehkan artis, pertubuhan, saintis dan ahli akademik dari UK dan Malaysia untuk menjalankan penyelidikan dan berkolaborasi, bagi lebih memahami hubungan manusia dengan Alam dan antara satu sama lain serta membantu kita menentukan peranan seni dalam menangani perubahan iklim.

Human-Nature ialah sebuah program pertukaran pengetahuan bersifat kolaboratif yang bertujuan untuk mewujudkan masa depan yang lebih inklusif dan mampan. Selama 3 tahun, program Human-Nature akan menyokong pembangunan penyelidikan, fellowship artis berjudul *Time of the Rivers* dan memupuk pertukaran pengetahuan antara komuniti, pengamal seni, saintis dan akademik untuk menyematkan tindak balas seni dan kreatif dalam dasar pertubuhan serta meningkatkan suara tempatan dari Malaysia untuk berkongsi pandangan, pengetahuan dan amalan terbaik.

Mengambil pendekatan berasaskan hak untuk melibatkan komuniti harus menjadi keutamaan, kerana pendekatan inilah yang akan membolehkan pembentukan naratif inklusif yang melibatkan komuniti serta menangani isu dan cabaran bersama. Mengambil kira amalan mampan dan beretika dalam kerja pertubuhan budaya serta berhubung dengan komuniti Orang Asal dan luar bandar, boleh menyedarkan kita untuk mempertimbangkan hubungan kita dengan alam sekitar dan krisis iklim.



Panduan Keterlibatan Komuniti ini mengemukakan cadangan tentang pendekatan untuk bekerja dengan komuniti-komuniti di Malaysia—dengan tumpuan khas kepada komuniti-komuniti Orang Asal dan/atau terpinggir. Dokumen ini bertujuan untuk memberikan nasihat, bantuan dan peralatan untuk membangunkan pendekatan etikal dan kolaboratif ketika bekerja dengan komuniti tempatan. Kami percaya bahawa kandungan panduan keterlibatan ini boleh menyediakan pembaca dengan detik-detik renungan, pembelajaran dan pemahaman yang lebih mendalam.


Kami berharap bahawa Human-Nature akan menyediakan ruang yang selamat untuk dialog dan pertukaran pengetahuan serta memberi inspirasi kepada seniman, penggiat kreatif, pertubuhan iklim dan penggubal dasar untuk bekerjasama dalam mencipta naratif-naratif baharu.

Kami menjemput anda untuk menyertai kami dalam perjalanan Human-Nature.



Kunci Visual

Mengenai karya seni dan motif yang digunakan dalam *Aram Bekelala*.





Karya Seni



***Bongkud Namaus* (2016) oleh Pangrok Sulap**

Cetakan kayu, 244 cm x 122 cm.

Karya seni ini terhasil daripada kolaborasi antara Pangrok Sulap dan komuniti Bongkud-Namaus, di Ranau, Sabah. Cetakan kayu yang amat terperinci ini mendokumenkan kisah-kisah rakyat, sejarah serta perjuangan penduduk kampung. Nama Kampung Bongkud merujuk kepada pokok kelapa yang melengkung, manakala Namaus pula merujuk kepada lagenda tempatan yang mengisahkan seorang wanita yang dihanyutkan sungai. Asang (John Trevor White), seorang peneroka warganegara British telah memainkan peranan penting dalam membangunkan kampung ini dengan mengajar pertukangan dan membina sekolah.

Sejak sekian lama, Kampung Bongkud telah menghadapi kemerosotan alam sekitar yang signifikan akibat kegiatan perlombongan dan pembalakan. Sisa toksik dari Lombong Tembaga Mamut telah



mencemarkan udara dan air, menjejaskan hasil pertanian serta mengakibatkan masalah kesihatan jangka panjang. Walaupun lombong tersebut sudah ditutup, pencemaran sungai tetap berlaku dan masih mengganggu kehidupan penduduk. Pada akhir tahun 2010-an, cadangan untuk menjalankan operasi perlombongan emas yang baharu mencetuskan bantahan kerana bimbang akan penebangan hutan, hakisan tanah dan pencemaran air yang lanjut. Oleh kerana komuniti tersebut bergantung kepada pertanian, sebarang gangguan terhadap sumber air juga mengancam mata pencarian mereka. Kawasan ini mempunyai pengertian budaya yang dalam bagi kelompok Orang Asal dan hal ini mendorong tentangan lanjut. NGO dan kumpulan alam sekitar tempatan memberi sokongan kepada penduduk kampung dan hasil gabungan tentangan tempatan yang kuat dengan kebimbangan tentang alam sekitar serta budaya akhirnya berjaya menghentikan projek perlombongan tersebut.

Kegiatan pembalakan juga mengakibatkan keadaan kawasan hutan di sekeliling Bongkud yang terancam teruk dan membawa kepada kehilangan hutan serta perubahan aliran air yang menjejaskan amalan pertanian tempatan dan hidupan liar. Walaupun sesetengah kegiatan pembalakan mungkin telah memberikan kerja atau faedah ekonomi jangka pendek, kesan jangka masa panjang kerap kali memudaratkan alam sekitar dan kehidupan penduduk. Pelbagai kumpulan alam sekitar dan NGO telah bekerja dengan penduduk kampung untuk meningkatkan kesedaran dan mengadvokasi agar hutan di sekeliling Kampung Bongkud dilindungi dengan lebih baik.



***Drowning* (2024) oleh Shaq Koyok**

Akrilik atas kanvas, 92 cm x 92 cm.

Malaysia adalah salah satu daripada beberapa negara yang masih mempunyai litupan hutan hujan tropika seluas lebih daripada setengah jumlah kawasan daratan. Ini merupakan hasil usaha masyarakat Orang Asal yang berada di barisan hadapan untuk melindungi hutan daripada menjadi mangsa projek-projek pembangunan.

Dengan pertumbuhan penduduk bandar dan industri yang pesat, penggunaan dan permintaan tenaga di Malaysia berada pada paras tinggi dan kini negara ini banyak bertumpu kepada tenaga boleh diperbaharui. Projek-projek empangan mega khususnya amat popular sebagai sumber tenaga yang dianggap ‘bersih’.

Namun begitu, ini merupakan bentuk penyelesaian yang palsu sekali. Projek-projek seperti pembangunan Empangan Nenggiri di bahagian timur laut Kelantan yang bernilai RM5 bilion misalnya, bakal membawa masalah kepada masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan tersebut. Karya *Drowning* mengetengahkan isu-isu yang akan timbul jika projek empangan mega tersebut diteruskan. Banyak komuniti Orang Asli yang tinggal di kawasan rendah akan tenggelam akibat empangan tersebut. Projek ini tidak mempedulikan langsung hak Orang Asli yang telah tinggal di kawasan tersebut selama turun



temurun. Orang Asli Temiar akan terpaksa dipindahkan ke tempat baharu untuk mengelak banjir air empangan yang bakal berlaku. Projek ini tidak sepatutnya dibentang pada mulanya, kerana ia jelas sekali bahawa projek ini tidak bersifat mampan dan tidak akan mempedulikan masyarakat terjejas yang telah bergelut dengan isu hak tanah untuk sekian lamanya.

Bukan sahaja kehidupan manusia yang akan terjejas, tetapi ia juga akan membunuh habitat yang menjadi tempat tinggal hidupan liar terutamanya harimau Malaya yang terancam teruk, tapir dan pelbagai lagi spesies haiwan dan tumbuhan.



***Baya* (2018) oleh Sonia Luhong Wan**

Pirografi dan daun emas atas papan lapis, 30 cm x 30 cm.

Baya merupakan nama yang diberi orang Iban kepada sang buaya yang menggerunkan, iaitu haiwan yang teranyam erat dalam kepercayaan mereka. Suatu ketika dahulu, figura-figura berbentuk buaya yang dihasilkan daripada tanah liat digunakan dalam ritual penanaman untuk menyeru hasil padi yang melimpah ruah. Sosok buaya yang garang ini juga menghias kain pua kumbu untuk memberi perlindungan dan keberanian kepada para pahlawan. Menurut kepercayaan masyarakat Orang Asal di Sarawak, buaya bukan sekadar haiwan; ia dianggap sebagai penjelmaan nenek moyang, sebahagian daripada sumpah purba dan sebagainya. Pada hari ini, buaya menjadi maskot pasukan bola sepak Sarawak dan lembaga yang menghantui sungai, di mana serangan terhadap manusia kian mendadak. Namun, tidak kira jelmaannya—baik sebagai penjaga, musuh atau legenda—tak akan terpisah sang buaya daripada Sarawak dan rakyat negeri itu dari dulu dan untuk selamanya.



Objek & Alatan Kraf





Sirung

Sebuah topi matahari berbentuk kon yang diperbuat daripada rotan oleh komuniti Dusun di Sabah, bentuk dan rekaan topi ini melambangkan status dalam masyarakat. Pada asalnya topi ini dipakai untuk aktiviti bertani, memancing, mencari hasil hutan atau aktiviti budaya; kini, topi ini lebih biasa digunakan untuk persembahan, perayaan atau dijadikan hiasan di dalam rumah.

Takiding

Takiding ialah bakul anyaman yang dibuat oleh suku Murut di Brunei dan Malaysia dan juga dikaitkan dengan komuniti Bisaya, Dusun dan Kedayan di Brunei. Diperbuat daripada buluh, bamban (*Donax canniformis*), rotan dan daun pokok, *takiding* digunakan secara tradisional untuk memikul barangan semasa melawat rumah, ke *tamu* (pasar tradisional tempatan) dan ke sawah padi.






Tempok

Sebuah hiasan kepala yang ditenun daripada daun mengkuang (*Pandanus amaryllifolius*) dan digunakan di kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ia juga diperbuat daripada daun kelapa, resam dan rotan. Pelbagai jenis dan gaya *tempok* boleh ditemui mengikut kelompok Orang Asli yang berlainan. *Tempok* selalunya dipakai untuk upacara atau amalan penyembuhan.

Alatan


Koleksi alatan tradisional yang biasa digunakan oleh pembuat kraf di Borneo. Biasanya digunakan untuk menuai hasil hutan dan untuk menenun, mengukir, pertukangan kayu dan aktiviti kraf lain, alat-alat ini adalah sebahagian penting dalam kit alat mana-mana artisan luar bandar.





Motif


Disebabkan kekangan teknik dan bahan dalam pembuatan bakul, terdapat banyak persamaan dalam motif dan reka bentuk yang digunakan di seluruh Borneo. Walau bagaimanapun, bergantung pada kawasan, suku dan bahasa yang dituturkan, motif yang sama mungkin dikenali dengan banyak nama yang berbeza atau bahkan mewakili perkara yang berlainan.



Dikenali sebagai *Binangkusangan* atau *Linanku* oleh komuniti Murut di Sabah, bentuk geometri dan sulur yang melingkar ini diilhamkan daripada burung kenyalang. Motif ini juga lazim ditemui pada bakul dan tikar Iban.




Sebuah motif umum yang ditemui pada tikar anyaman, bakul dan tekstil di seluruh Borneo. Motif ini menggambarkan barisan bintang, dengan pucuk rebung berbentuk segi tiga, yang dipantulkan di bahagian atas dan bawah. Ia juga sering digelar matahari, bunga, jejak harimau atau buah pedada. Motif yang berbentuk segi tiga ini juga boleh merujuk kepada hujung lembing atau bilah pisau.



Motif umum yang sering dianyam menggunakan rotan yang diwarnai secara semula jadi ini menggambarkan jalur tunas buluh kecil diikuti dengan motif ular melengkung yang besar. Di kalangan masyarakat Kenyah dari Long Alongo di Kalimantan, ‘ular melengkung’ ini dikenali sebagai *kalong surat* atau motif skrip, manakala suku Ngaju Dayak di Kalimantan merujuk kepada motif ini sebagai *jelau* (lintah).



Manusia



Ilustrasi Muka Depan

Sebuah tikar sedang dianyam daripada rotan. Seperti kebanyakan amalan dalam kalangan komuniti rumah panjang, aktiviti menganyam sering dilakukan secara bergotong-royong. Sumber foto inspirasi diambil oleh Sonia Luhong Wan di Kampung, Sadir, Padawan, pada tahun 2018.



Gambar Kumpulan

Kerja penglibatan komuniti sering melibatkan pertemuan dan perkongsian idea serta pemikiran, sementara ahli komuniti menjalankan tugas harian seperti membuat kraf.

Gotong-royong merupakan nilai tradisional Malaysia yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi dalam komuniti. Dipinjam dari bahasa Jawa, di mana ‘gotong’ bermaksud mengangkat dan ‘royong’ bermaksud bersama, perkataan ini merujuk kepada usaha kerjasama demi kebaikan bersama. Untuk bekerjasama dengan jayanya, adalah penting untuk mengadakan pertemuan awal terlebih dahulu. Komunikasi yang jelas, pengagihan tugas dan pembuatan keputusan secara konsensus merupakan bahagian penting dalam gotong-royong komuniti dan sepatutnya diterapkan dalam amalan kerja anda.






Tanah & Air

Tanah air, yang membawa maksud tempat kelahiran dalam bahasa Melayu, menggambarkan keterkaitan antara masyarakat di daratan (tanah)—seperti petani dan masyarakat di pedalaman—dan masyarakat di perairan (air)—masyarakat yang tinggal di sungai dan laut serta nelayan. Selama berkurun lamanya, makanan, hasil dan artefak telah diperdagangkan antara komuniti-komuniti ini, dan ini telah memberi kesan serta pengaruh yang besar terhadap warisan budaya Malaysia.

Burik



Burik, yang kadang-kadang dieja sebagai *burie* atau *buriek*, merupakan kerang hiasan yang digunakan untuk menghiasi pakaian dan pelbagai kraf tradisional seperti penggendong bayi atau topi matahari dalam kalangan komuniti Dayak. Dikenali di peringkat antarabangsa sebagai kerang cowrie, kerang ini dikumpul dari laut dan melambangkan peranan perdagangan yang penting dalam perkembangan kraf di rantau ini.

Jelai

Jelai atau *Job's Tears* (*Coix lacryma-jobi*), merupakan tumbuhan tropika saka berbatang tinggi yang menghasilkan biji. Juga dikenali sebagai *dalai* di Sabah dan Sarawak dan di kalangan Orang Asli sebagai *lancang* dalam bahasa Temuan serta *jerlai* dalam bahasa Semai dan Temiar, biji jelai yang berbentuk titisan air mata ini digunakan oleh banyak komuniti Orang Asal di seluruh Malaysia sebagai manik hiasan yang disulam pada pakaian mereka atau untuk aksesori seperti kalung, tali pinggang dan gelang.





Kantan

Kantan (*Etlingera elatior*) merupakan herba saka yang beraroma. Walaupun bunga kantan yang indah, berwarna merah jambu dan berbau harum ini kadang-kadang digunakan sebagai hiasan, bunga ini digunakan terutamanya sebagai bahan masakan di seluruh Malaysia dan Asia Tenggara.




Rotan

Calamus manan atau rotan manau merupakan spesies tumbuhan berbunga dalam keluarga palma. Duri di bahagian menjalar dibuang dan bahagian ini digunakan untuk menenun kraftangan tradisional seperti bakul dan tikar. Pelbagai spesies rotan yang ditemui di seluruh Malaysia merupakan bahan yang amat penting dalam kraftangan, seni bina, pertanian dan kehidupan domestik.



Pasukan *Aram* *Bekelala*





Penugas Projek

British Council Malaysia

Konseptualisasi Projek

Catama

Penulis, Pengurusan & Hala Tuju Projek

Catriona Maddocks

Penasihat Projek, Pereka Grafik, Pembaca Pruf & Penterjemah Utama

Sonia Luhong Wan

Pelukis

Bethany Luhong Balan

Penterjemah Sumbangan

Izzuddin Ramli

Pasukan British Council Malaysia

Florence Lambert

Erica Choong

Khadijah Turner

Rakan Sejawat & Sokongan Projek

Anne Baltazar (ANAK)

Nur Cameliah binti Thomas (ANAK)

Eliana a/p Tan Beng Hui (AKWOA)

Sonia Luhong Wan (Borneo Bengkel)

Wan Shakila (Borneo Komrad)

Cynthia Ong (Forever Sabah)

Fiqah Roslan (Forever Sabah)

Jerome Oujik (Forever Sabah)

Natasha Sim (Forever Sabah)

Noel Seanundu (Forever Sabah)

Stasha Van Houten (Forever Sabah)

June Rubis (ICCA Consortium)

Claudia 'Yoggie' Lasimbang (PACOS Trust)

Junia Anilik (PACOS Trust)

Adi HJ (Pangrok Sulap)

Celine Lim (SAVE Rivers)

Michael Mering Jok (SCRIPS)

Shaq Koyok

Adrian Jo Milang (The Tuyang Initiative)

Juvita Tatan Wan (The Tuyang Initiative)



British Council

British Council ialah organisasi antarabangsa UK yang mengkhusus dalam perhubungan budaya dan peluang pendidikan. Kami menyokong keamanan dan kemakmuran dengan membina hubungan, menjalinkan persefahaman dan memupuk kepercayaan antara masyarakat di UK dan negara-negara di seluruh dunia. Objektif ini dicapai melalui usaha kami dalam bidang seni dan budaya, pendidikan dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Khidmat kami disampaikan kepada penduduk di lebih 200 negara dan wilayah, dan kami beroperasi secara fizikal di lebih 100 negara. Pada tahun 2022–2023 kami telah menjangkau lebih 650 juta orang.

Human-Nature ialah program seni selama 3 tahun yang membolehkan artis, pertubuhan, saintis dan ahli akademik dari UK dan Malaysia untuk menjalankan penyelidikan dan berkolaborasi, bagi tujuan memahami hubungan manusia dengan Alam serta antara satu sama lain dengan lebih baik, sambil membantu kita menentukan peranan seni dalam menangani perubahan iklim.



Catama

Bertempat di Kuching, Sarawak, Catama merupakan sebuah perusahaan sosial beranugerah yang bekerja dengan komuniti bandar dan luar bandar serta penggiat kreatif untuk mendokumentasi, mencipta dan membina dialog tentang seni kraf dan budaya tradisional, di samping meneroka pendekatan kontemporari terhadap warisan kreatif Borneo yang unik.

Melalui kerja kami, kami membangunkan dan menyampaikan alat, produk serta sistem untuk tujuan penyelidikan, penglibatan dan pembinaan kapasiti serta mencipta produk, platform dan peluang untuk pemindahan ilmu antara generasi.

Dengan pengalaman lebih daripada satu dekad dalam penglibatan komuniti, sebuah pendekatan teras yang diamalkan oleh Catama ialah cipta sama dan kolaborasi untuk memastikan bahawa hasil kerja kami adalah bermakna, berkesan serta responsif.



Catriona Maddocks

Catriona Maddocks adalah seorang kurator, seniman dan penyelidik dari UK yang telah menetap di Sarawak, wilayah Malaysia di Borneo selama 15 tahun. Kerja yang dilakukannya bersifat rentas disiplin dan memberi tumpuan terhadap pembinaan platform kolaboratif dan pembangunan ruang untuk meneroka identiti, naratif komuniti dan warisan budaya dalam konteks semasa.

Beliau merupakan pengasas bersama perusahaan sosial Catama dan platform kreatif Borneo Bengkel serta penyelidik utama bagi Borneo Boat Lute Revival, sebuah inisiatif yang mengangkat lut-lut asli di seluruh Borneo yang hampir pupus. Sebagai seorang seniman aktif, karya seni terbaharunya, *Pagar & Padi*, yang dihasilkan bersama-sama Gindung Mc Feddy Simon, meneroka amalan penanaman padi, seni darat dan hak masyarakat Orang Asal.

Sebagai seorang wanita British berkulit putih yang telah lama menetap di Malaysia Timur, sudut pandang posisional dan kuratorial Catriona termaklum dari sudut pandanginya sebagai orang luar.

Sonia Luhong Wan

Sonia Luhong Wan merupakan seorang seniman, kurator dan penterjemah dari Sarawak, Malaysia. Selain memiliki latar belakang dalam bidang reka bentuk grafik, beliau juga berpengalaman dalam pengurusan seni, pemuliharaan hidupan liar dan akses terhadap tenaga boleh diperbaharui. Pada teras kerja beliau terdapat kepercayaan bahawa seni bukan sekadar alat untuk meluahkan perasaan, tetapi juga wadah yang hebat untuk pendidikan dan kesedaran yang melampaui kaum, budaya dan bahasa. Sonia juga merupakan pengasas bersama serta ahli aktif pertubuhan-pertubuhan kreatif Borneo Bengkel dan HAUS KCH.

Bethany Luhong Balan

Bethany Luhong Balan merupakan seorang pereka multimedia, penyair dan seniman visual dari Kuching, Sarawak. Setelah menghasilkan karya instalasi pertamanya untuk pameran Ruangsani pada tahun 2019, beliau telah tampil dalam pelbagai antologi puisi, persembahan, pameran dan projek kolaboratif. Salah satu projek terbaharunya termasuk penglibatan dalam *Dan Lain Lain*, sebuah pameran seni anjuran Minority Agenda dari Brunei yang meneroka makna di sebalik kehidupan sebagai ‘dan lain-lain’. Karya lukisannya juga dipaparkan dalam Shrineshare, sebuah projek ‘pameran seni dalam folio’ yang disokong oleh geran Connections Through Culture 2024 daripada British Council.

Senarai Bacaan





Bio-Community Initiative & Sabah Biodiversity Centre. (2023) *Protokol komuniti Melangkap*. <https://sabc.sabah.gov.my/sites/default/files/uploads/attachments/2019-11/Protokol-Komuniti-Melangkap.pdf>

Forever Sabah. (2023). *Projects, programmes and planning framework implementation guidelines and best practices*.

Langub, J. (1993). Native adat or customary laws of Sarawak: An overview. *Sarawak Gazette*, 120(1524), 5-9.

Majlis Adat Istiadat Sarawak.

<https://nativecustoms.sarawak.gov.my/web/home/index/>

(i) *Adat Iban* (1993)

(ii) *Adat Bidayuh* (1994)

(iii) *Adet Kayan-Kenyah* (1994)

(iv) *Adat Bisaya* (2004)

(v) *Adat Lun Bawang* (2004)

(vi) *Adet Kelabit* (2008)

(vii) *Adet Penan* (2011)

Rubis, J. (2023). A political ecology of remembering for Dayaks of Sarawak, Malaysian Borneo, in A. Fleschenberg, K. Kresse & R. Castillo (Eds.), *Thinking with the South* (m.s. 249). De Gruyter. <https://doi.org/10.1515/9783110780567-012>

Rubis, J. M. (2020). The orang utan is not an Indigenous name: Knowing and naming the maias as a decolonizing epistemology. *Cultural Studies*, 34(1), 811-830.

Rubis, J. M., & Theriault, N. (2019). Concealing protocols: Conservation, Indigenous survivance, and the dilemmas of visibility. *Social & Cultural Geography*. 21(1), 1-23. <https://doi.org/10.1080/14649365.2019.1574882>

Tongkul, F., & PACOS Trust. (2002). *Traditional systems of Indigenous peoples of Sabah, Malaysia: Wisdom accumulated through generations*. PACOS Trust.

—

Food and Agricultural Organisation of the United Nations. (2016). *Free, prior and informed consent: An Indigenous peoples' right and good practice for local communities*. <https://www.fao.org/3/I6190E/i6190e.pdf>

Global Indigenous Data Alliance. (2023). *Indigenous peoples' rights in data*. <https://www.gida-global.org/data-rights>



Indigenous Peoples and Minorities Section, OHCHR Rule of Law, Equality and Non-Discrimination Branch. (2013). *Free, prior informed consent of Indigenous communities*. Office of the High Commissioner of Human Rights. <https://www.ohchr.org/sites/default/files/Documents/Issues/IPeoples/FreePriorandInformedConsent.pdf>

Mohd Hishamudin Yunus. (2018). Protection of Marginalised Minorities under the Constitution. *Legal Herald*. Lee, Hishamudin, Allen & Gledhill. Adapted from the Constitutional Law Lecture Series, University of Malaya. https://lh-ag.com/wp-content/uploads/2022/11/9_Protection-of-Marginalised-Minorities-under-the-Constitution-by-Dato-Seri-Mohd-Hishamudin-Yunus.pdf

Pidgeon, M., & Riley, T. (2021). Understanding the application and use of Indigenous research methodologies in the social sciences by Indigenous and non-Indigenous scholars. *International Journal of Education Policy and Leadership*, 17(8). <https://doi.org/10.22230/ijepl.2021v17n8a1065>

Rainie, S.C., Kukutai, T., Walter, M., Figueroa-Rodríguez, O.L., Walker, J., & Axelsson, P. (2019). Issues in open data: Indigenous data sovereignty. In T. Davies, S. Walker, M. Rubinstein, & F. Perini (Eds.), *The state of open data: Histories and horizons*. (m.s. 300–319). African Minds and International Development Research Centre. <http://stateofopendata.od4d.net>

Smith, L. T. (2012). *Decolonizing methodologies: Research and Indigenous peoples* (2nd ed.). Zed Books.

Tsosie, R. L., Grant A. D., Harrington J., Wu K., Thomas A., Chase S., Barnett D. S., Hill S. B., Belcourt A., Brown B., & Ruth Plenty Sweetgrass-She Kills. (2022). The six Rs of Indigenous research. *Tribal College Journal of American Indian Higher Education*, 33(4). <https://tribalcollegejournal.org/the-six-rs-of-Indigenous-research>

United Nations Environment Programme. (2000). *Community protocols: Common underlying principles*. <https://www.unep.org/resources/report/community-protocols-common-underlying-principles>

United Nations (General Assembly). (2007). *United Nations declaration on the rights of Indigenous peoples*. https://www.un.org/development/desa/indigenouspeoples/wp-content/uploads/sites/19/2018/11/UNDRIP_E_web.pdf

Wilson, S. (2008). *Research is ceremony: Indigenous research methods*. Fernwood Publishing. <https://www.sjsu.edu/people/marcos.pizarro/courses/8085/s1/Wilson.pdf>